

PERCUMA



buletin Mutiara



1 – 15 Februari 2012

RM500juta dana rumah mampu milik buat rakyat Pulau Pinang

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi membiayai projek membina rumah mampu milik di Seberang Perai dan Pulau Pinang sekaligus menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap rakyat dan golongan yang berpendapatan rendah.

Guan Eng yang ditemui ketika merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berkata, jumlah tersebut adalah yang paling besar pernah diperuntukkan di negara ini berbanding negeri-negeri lain.

“Kerajaan dahulu pernah bercadang membina dan memindahkan pentadbiran sekarang ke Bayan Mutiara yang akan melibatkan kos sebanyak RM600 juta. Namun, kita (Pakatan Rakyat) menolak cadangan berkenaan dan mengambil tindakan yang lebih proaktif melalui penswastaan Bayan Mutiara secara tender terbuka, sekaligus, kita telah berjaya menambah sumber kewangan negeri yang membolehkan projek sosial seperti rumah mampu milik dapat dibina dengan peruntukan lebih besar,” katanya di sini baru-baru ini.

Terdahulu Guan Eng berkata, melalui peruntukan diumumkan tersebut juga dapat menghentikan spekulasi dan provokasi pihak yang cuba mengelirukan rakyat dengan menyatakan Kerajaan Negeri tidak pernah membina rumah mampu milik untuk rakyat.

“PDC akan menjadi agen pelaksana untuk Tabung Rumah Mampu Milik di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Kita akan sediakan rumah mampu milik yang bukan sahaja selesa, berkualiti, malah, turut menerapkan konsep kejiranan hijau dengan kemudahan seperti padang bola, surau, pasar dan clubhouse,” jelasnya lagi.

Dalam pada itu, pengumuman Ketua Menteri berkenaan telah memperoleh respon positif daripada rakyat setempat yang turut sama melahirkan rasa lega



KETUA Pegawai Eksekutif Surbana, Soh Wah Meng (tiga dari kanan) bersalaman dengan Rosli Jaafar (empat dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri selepas selesainya Majlis Menandatangani Perjanjian MOU Antara PDC dan Surbana International Consultants (Malaysia) Sdn. Bhd. berhubung Rekabentuk dan Pelan Induk Projek Perumahan Bandar Cassia, Batu Kawan di Komtar di sini baru-baru ini. Gambar oleh Mohd. Hafiz Tajuddin.



RAYMIN Yew Yung Shen

di atas peruntukan tersebut.

Menurut pekerja sendiri, Tienia Ramly, 29, pengumuman tersebut dapat membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak tetap sepertinya untuk memiliki rumah sendiri, sekaligus mengurangkan beban rakyat dengan kadar sewa rumah yang semakin mahal kini.

“Dengan terbinanya perumahan mampu milik lebih banyak di negeri ini, ia dapat membuka

ruang dan peluang kembali kepada semua pemohon yang sebelum ini pernah memohon tetapi gagal untuk mendapatkan rumah di atas faktor kekangan rumah kos rendah di negeri ini yang terhad,” ujarnya yang sebelum ini pernah mengemukakan beberapa permohonan perumahan mampu milik.

Manakala bagi pekerja swasta, Raymin Yew Yung



TIENA Ramly

Shen, 26, berkata, pengumuman Ketua Menteri disambut baik terutamanya kepada beliau yang baru saja memulakan kerjaya beberapa tahun untuk memiliki rumah sendiri di masa depan.

“Rumah di Pulau Pinang semakin mahal sehingga menyebabkan sebahagian golongan yang baru berkerjaya tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri dan membesar anak-anak dalam persekitaran yang lebih selesa dan selamat,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini. .

Sehingga 2011, Kerajaan Negeri telah berjaya membina 11,596 rumah mampu milik di negeri ini. Pada masa sama, sasaran 11,800 rumah mampu milik akan turut dibina pada Fasa Pertama di Bandar Cassia, Batu Kawan hasil perjanjian bersama PDC dan Surbana International Consultants (Malaysia) Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Keputusan Mahkamah tunjuk liputan Utusan berniat jahat

Oleh : ZAINUFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Tinggi terhadap penerbit akhbar arus perdana, Utusan Malaysia (Utusan) menunjukkan bahawa liputan akhbar tersebut adalah berniat jahat dan bertujuan menipu pembaca.

Dalam pada itu, keputusan yang mana memerintahkan Utusan supaya membayar ganti rugi am dan ganti rugi keterlaluan sebanyak RM200,000 serta kos sebanyak RM25,000 kepada Ketua Menteri turut membuktikan bahawa rencana Utusan berjudul "Kebiadaban Lim Guan Eng" yang diterbitkan 20 Disember 2010 di dalam akhbar berkenaan adalah palsu.

Menurut kenyataan akhbar dikeluarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini, penghakiman (kewangan) menunjukkan secara konklusif bahawa Y.A.B Ketua Menteri (Lim Guan Eng), DAP dan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (Pulau Pinang) bukan anti Melayu dan anti Islam seperti yang didakwa secara palsu dan berniat jahat oleh Utusan.

Kata kenyataan itu, penghakiman Hakim Varghese George Varughese itu sekaligus membuktikan bahawa polisi-polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 sehingga sekarang benar-benar bertujuan untuk membela seluruh

rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Tambahnya, tujuh dakwaan Utusan, iaitu bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah:

1. menindas Melayu serta cuba menghapuskan satu demi satu perkampungan Melayu di bumi Pulau Pinang;
2. membatalkan atau menghalang perarakan Maulidur Rasul pada tahun 2010 (yang sebenarnya diadakan);
3. tidak membenarkan peniaga-peniaga Melayu bermula di KOMTAR sepanjang bulan Ramadan;
4. merobohkan gerai-gerai milik Melayu;
5. menggunakan dana dari sumber perjudian untuk memberi RM100 kepada warga emas;
6. merobohkan perkampungan Melayu di Kampung Jalan Pokok Asam, Kampung Genting, Balik Pulau; dan
7. mengusir penduduk-penduduk India dari Kampung Buah Pala.

adalah tidak disokong oleh fakta-fakta, malah, berdasarkan maklumat yang diputarbelitkan.

Dalam satu kehakiman pada pertengahan Disember tahun lepas, Hakim Varghese menganggap kesemua tuduhan Utusan itu sebagai "sesuatu yang amat sukar dipercayai" dan ia sebenarnya "tidak benar sama sekali".

Justeru, MMK Pulau Pinang yang



KETUA MENTERI (empat dari kanan) bersama barisan Exco Kerajaan Negeri menunjukkan tanda kemenangan selepas Hakim mengumumkan keputusan kes fitnah membabitkan Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

menerima dan menyokong penuh keputusan Mahkamah Tinggi berharap penghakiman ke atas Utusan menjadi iktibar kepada media arus perdana yang lain.

"(Semoga) media arus perdana lain

dapat mengambil iktibar (serta) menghayati pengalaman kewartawanan yang bertanggungjawab (yang dianggap) amat penting kepada sistem demokratik di Malaysia," ujar kenyataan itu lagi.

SINDIR MUTIARA

OLEH : SAM



Sambutan Maulidur Rasul 1433H disulami elemen peringati Rasulullah S.A.W



Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

GEORGE TOWN – Majlis Perhimpunan Ummah yang diadakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini bukan sahaja mendapat sambutan meriah, malah, turut disulami dengan elemen-elemen memperingati Rasullullah S.A.W.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim, Majlis Sambutan Maulidur Rasul merupakan salah satu inisiatif dalam membentuk masyarakat Islam agar sentiasa menghayati sirah nabawiyyah sama ada dalam kehidupan bermasyarakat mahupun dalam organisasi.

“Tema sambutan tahun ini “Rasulullah S.A.W Pencetus Perubahan” adalah bersesuaian, sesungguhnya, Rasulullah S.A.W adalah contoh yang patut diteladani oleh semua umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan,” ujar beliau di hadapan kira-kira 2,500 peserta yang turut serta dalam Majlis Perhimpunan Ummah yang diadakan di Dewan Sri Pinang di sini.

Hadir sama, Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Rahman Abbas serta isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan

ABDUL Rahman Abbas (tiga dari kiri) menunjukkan pingat Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1433H yang diterima Abdul Wahab Awang Kechik (tiga dari kanan).



BARISAN penerima-penerima anugerah sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Negeri Pulau Pinang bergambar bersama kepimpinan negeri. Dari kiri, Abdul Halim Abdul Aziz, Abdul Malik Abul Kassim, Abdul Wahab Awang Kechik, Yang Dipertua Negeri, Abdul Rahman Abdul Kadir, Mansor Othman, Abdul Mutalib Maarof dan Abdul Halim Hussain.



ABDUL Rahman Abbas (tengah) diiringi Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Farizan Darus (tiga dari kanan) memasuki perkarangan dewan Dewan Sri Pinang di sini.

isteri; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan isteri; Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Yang Arif Datuk Zakaria Sam dan isteri; barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, barisan Pengarah Jabatan-jabatan Kerajaan, Imam-imam Negeri, para penjawat pihak berkuasa tempatan dan penjawat-penjawat awam.

Dalam pada itu, majlis turut diserikan dengan pemberian Anugerah Khas kepada tiga individu yang memberi sumbangan cemerlang sama ada kepada negeri mahupun negara iaitu pensyarah Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Abdul Halim Abdul Aziz (Inovasi), 54; Datuk Abdul Rahman Abdul Kadir (Kemasyarakatan), 70 dan Yang Dipertua Yayasan An-Nahdhoh Pulau Pinang, Ustaz Haji Abdul Mutualib Maarof (Keagamaan), 38. Para penerima masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM3,000, sijil penghargaan dan hadiah irungan.

Manakala, Abdul Wahab Awang Kechik, 63, telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1433H. Beliau yang pernah dianugerahkan sebagai Guru Takmir Cemerlang Negeri Pulau Pinang pada 2010 turut aktif menganjurkan bengkel teknik menyemarakkan al-Quran di beberapa agensi kerajaan dan institusi pengajian. Beliau membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000, sijil penghargaan dan piala irungan.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, umat Islam seharusnya mengamalkan nilai-nilai murni serta mencontohi keperibadian Rasulullah S.A.W dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

“Rasulullah S.A.W adalah sebaik-baik insan yang harus dituruti agar kehidupan kita lebih terpandu dengan nur Islam yang syumul. Selagi umat Islam mengamalkan cara hidup Islam selagi itu mereka terpelihara dari segala fitnah dan perasaan hasad dengki.,” ujar beliau.

46 kontijen sertai perarakan Maulidur Rasul

GEORGE TOWN – Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang (JBPPP) mendahului penerima Anugerah Khas Kontijen Perarakan Terbaik sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H/2012M Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi kategori agensi kerajaan, badan berkanun dan swasta.

Selain JBPPP, Jabatan Penjara Seberang Perai dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang turut dinobatkan sebagai Kontijen Perarakan Terbaik tahun ini.

Manakala bagi kategori pertubuhan bukan kerajaan dan institusi, Tenaga Nasional Berhad dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang telah terpilih untuk menerima Anugerah Khas tersebut. Setiap kontijen menerima wang tunai berjumlah RM1,000, sijil penghargaan dan hadiah irungan.

Perarakan yang diadakan sempena Maulidur Rasul itu turut mendapat penyertaan menggalakkan bukan sahaja dari agensi kerajaan, badan berkanun negeri dan swasta, malah, turut mendapat sambutan daripada orang kenamaan, khairiah masjid dan institusi pengajian tinggi.

Dalam pada itu, pelepasan kontijen perarakan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang turut serta berarak sejauh 2.4 kilometer, bermula dari Padang Kota Lama melalui Lebuh Farquhar dan berakhir di Dewan Sri Pinang.

Selain Mansor, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim dan beberapa



delegasi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut serta dalam perarakan yang disertai oleh 46 kontijen dan 2,000 peserta.

KONTIJEN Perbadanan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang turut serta dalam perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Negeri di sini.

Tang Hak Ju – fitnah Hock Nan & UMNO PP libatkan wang rakyat

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Dalam sebuah laporan akhbar bertarikh 7 Februari 2012, Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Datuk Dr. Teng Hock Nan dan UMNO Pulau Pinang telah membuat tuduhan serius ke atas Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkaitan skandal tanah Tang Hak Ju yang hakikatnya terjadi di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN).

Hock Nan menuduh Ketua Menteri telah membuat pembayaran kepada Tang Hak Ju atas kepentingan peribadi beliau. Malah, mereka (Hock Nan dan UMNO Pulau Pinang) telah mendesak Ketua Menteri memohon maaf dan menarik semula istilah ‘skandal’ dalam kes Tang Hak Ju.

“Ini adalah suatu fitnah yang serius kerana tuduhan mereka (Hock Nan dan UMNO Pulau Pinang) itu melibatkan wang rakyat,” ulas Ketua Menteri dalam sidang media yang diadakan di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri telah membayar

RM14,678,135.50 atas perintah mahkamah dan juga nasihat Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Peguam Negara sendiri pada 18 Mei 2009.

“Saya telah menolak desakan mereka dan mencabar mereka untuk saman malu ke atas saya atau Kerajaan Negeri. Namun, tiada respon sehingga hari ini,” kata beliau yang turut mempersoalkan sekiranya Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan pembayaran saman kepada RM500,000, adakah mereka (Hock Nan dan UMNO Pulau Pinang) sedia tanggung jumlah tersebut dan sejumlah RM14,678,135.50 yang telahpun dibayar kepada Tang Hak Ju sekiranya Tang Hak Ju enggan memulangkan RM14,678,135.50 ini?

Selain itu, Ketua Menteri turut menegaskan bahawa beliau telah meminta Hock Nan mengemukakan bukti atas pertuduhan tersebut. Pada masa sama, Ketua Menteri turut meminta mereka untuk menarik balik kenyataan dan memohon maaf secara terbuka. Namun, kegagalan mereka telah memaksa Ketua Menteri untuk

mengambil tindakan saman malu atas kenyataan yang berunsurkan fitnah ke atas Hock Nan.

Kerajaan Negeri telah membayar RM14,678,135.50 iaitu 50% daripada kos ganti rugi berjumlah RM29.4 juta kepada Tang Hak Ju tanpa mengambil kira bayaran faedah yang dianggarkan berjumlah RM10 juta.

“Saya rasa kesal kerana pentadbiran Kerajaan Negeri BN dahulu di bawah Tan Sri Koh Tsu Koon dan Teng Hock Nan (Hock Nan) enggan bekerjasama dalam kes tersebut, khususnya menyelesaikan kes ini di luar mahkamah seperti yang ditawarkan oleh Tang Hak Ju dengan ganti rugi yang jauh lebih rendah iaitu RM1.8 juta,” ujarnya.

Kes pertindihan tanah di Lot 954 dan Lot 955, Mukim 20 Seberang Perai Tengah dengan hak milik sementara H.S.(D) 49060, PT.91, Mukim 20 Seberang Perai Tengah berlaku apabila Kerajaan Negeri BN ‘tersilap’ memberi kelulusan tanah dan permit kuari kepada Tang Hak Ju atas tanah yang tidak dimiliki oleh Kerajaan Negeri sebaliknya milik pihak swasta.

Pin. 1/92

SALINAN ASAL

No. P.B. 097804

MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

RESIT RASMI

NAMA	PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
ALAMAT	3023, ARAB 10, BANGUNAN PERSEKUTUAN, JALAN ANSON, 10400 PULAU PINANG

BUTIR-BUTIR BAYARAN:

10930302 2000010177 18/05/2009 11:52:27 25-105-2008 10930320090300234 873003 C05.....14,678,135.50 CK 246264 27 07059 04.....14,678,135.50 Jumlah RM*****14,678,135.50 eSHD 1.0 amira

Resit ini hanyalah sah diperakui setelah dicetak oleh mesin mahkamah.

KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
KUALA-LUMPUR

PNM&PP/Bandar Perda

RESIT pembayaran kes Tang Hak Ju oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri selesai isu roboh rumah



SISA kesan perobohan rumah pusaka di Sungai Nibong.

SUNGAI NIBONG – Peka dengan nasib yang menimpah seorang warga emas, Ghazali Ibrahim, 63, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak telah turun padang bagi membantu meringankan beban ditanggung mangsa rumah pusaka yang dirobohkan oleh sebuah koperasi dipengerusikan bekas ADUN UMNO, Koperasi Tunas Muda di sini baru-baru ini.

ADUN terbabit, Sim Tze Tzin, telah berusaha mencari rumah bagi membantu Ghazali yang kini terpaksa menagih simpati saudara-mara untuk berteduh bersama keluarga dan dua orang cucunya.

Sebelum ini, pihak koperasi melalui perintah mahkamah menuntut semula tanah tersebut yang didakwa milik Koperasi Tunas Muda, walaupun pada dasarnya, menurut Ghazali, tanah tapak rumah tersebut telah dibeli oleh ibunya pada tahun 1975 sebanyak RM546.00 dengan keluasan 11,000 kaki persegi.

“Pihak saya juga sekarang akan mendapatkan bantuan guaman bagi membantu Ghazali mengambil tindakan mahkamah dan menuntut semula haknya,” ujar Tze Tzin yang dihubungi wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain itu, menurut Tze Tzin, perbincangan dengan pihak pemaju untuk mendapatkan pampasan yang sewajarnya akan dilakukan oleh pihak beliau bagi meringankan beban Ghazali sekeluarga.

“Saya berasa kesal dengan kejadian ini yang mana berlakunya penindasan antara kaum. Malah pampasan yang sewajarnya diterima oleh mangsa juga tidak diberikan” ujarnya.



GHAZALI Ibrahim

Hasil lebihan bajet MPPP, Pasar Pulau Tikus siap dinaiktaraf

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

PULAU TIKUS – Para peniaga di Pasar Pulau Tikus dan penduduk sekitar mampu menarik nafas lega apabila pasar berusia 27 tahun tersebut telah dinaiktaraf secara besar-besaran oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Pasar Pulau Tikus merupakan pasar keempat yang telah siap dan selesai dinaiktaraf hasil lebihan bajet MPPP pada tahun lalu sebanyak RM61.23 juta. Antara pasar lain yang mendapat perhatian dan telah selesai dinaiktaraf ialah Pasar Air Itam, Pasar Lebuh Cecil dan Batu Maung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan pasar tersebut baru-baru ini berkata, sebanyak RM877,754 telah dibelanjakan untuk membaik pulih Pasar Pulau Tikus secara besar-besaran sejak ianya dibina pada tahun 1955.

“Rakyat mestilah berani membuat perubahan kepada yang lebih baik dan pentingnya untuk memilih dan memperoleh sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tambahnya, melalui sebuah kerajaan yang bersih



KETUA Menteri (depan, empat dari kiri) bersama Patahiyah Ismail (tengah, bertudung) dan Chow Kon Yeow (empat dari kanan) melepaskan belon simbolik Perasmian Pasar Pulau Tikus di sini baru-baru ini

berasaskan sistem urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabel, Telus), maka, lebihan bajet yang diperoleh dapat dimanfaatkan kepada rakyat semula dengan menaiktaraf empat buah pasar secara besar-besaran.

“Rakyat perlulah menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang Bersih dan Hijau, bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup. Marilah kita bekerjasama demi memastikan pasar-pasar yang telah dibaikpulih ini akan terus menjadi bersih, hijau dan selamat,” ujarnya.



Hadir sama, Yang Dipertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail, Pengurusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Tikus, Koay Teng Hai dan pegawai-pegawai MPPP.

KETUA MENTERI mencuba sinki basuh tangan baru di Pasar Pulau Tikus.



KESESAKAN lalulintas dirakamkan pada waktu puncak yang terpaksa dilalui oleh pengguna saban hari kini.

Lorong tambahan atasi kesesakan 300,000 pengguna

BATU UBAN – Masalah kesesakan pada waktu puncak terutamanya hari bekerja di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu menghala ke Batu Uban bakal diatasi dengan pembinaan lorong pusingan U dan pelebaran jalan sepanjang 400 meter, di sini.

Projek membabitkan kos RM3.7 juta tersebut dijangka siap sepenuhnya pada September ini dengan kerja pelebaran jalan kepada tiga lorong, pembinaan lorong pusingan U dari George Town menghala ke Tesco, E-Gate dan Green Lane serta pembinaan jejantas baru bagi pejalan kaki di Batu Uban.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika upacara memecah tanah berkata, matlamat projek berkenaan adalah untuk menyelesaikan masalah utama dihadapi pengguna sejak 10 tahun lalu yang membawa kesesakan sepanjang dua kilometer pada waktu

puncak.

“Masalah yang dihadapi oleh pekerja terutamanya di kawasan Perindustrian Bayan Lepas kini bakal diatasi dengan penambahan satu lorong kepada dua lorong sedia ada. Projek ini adalah hasil inisiatif bersama IJM Corporation (IJM).

Tambah beliau, pihak IJM juga akan membina semula jejantas baru sedia ada sepanjang 30 meter dengan ketinggian 5.4 meter.

“Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan lorong pusingan U baru yang akan memendekkan 3.5 kilometer jarak perjalanan kerana pengguna tidak perlu lagi melakukan pusingan di Bayan Mutiara sebagaimana dipraktikkan kini. Inisiatif ini sekaligus dapat mengurangkan trafik di Jalan Hajjah Rehmah.

Guan Eng berkata, lebih 300,000 kenderaan melalui lebuhraya berkenaan

setiap hari menjadikan ia kawasan yang sangat sesak dan padat pada waktu puncak.

“Terima kasih kepada pihak IJM kerana mengambil langkah proaktif ini. Kerjasama ini adalah bersifat ‘solution provider’ (penyelesai masalah) kepada kesesakan lalulintas sedia ada,” ujarnya.

Hadir sama ialah Pengurusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Pengurusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Jambatan Kedua Pulau Pinang dijangka siap lebih awal

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP2) sepanjang kira-kira 24 kilometer membabitkan kos pembinaan berjumlah RM4.5 bilion dijangka siap lebih awal daripada dijadualkan iaitu pada November 2013.

“Sehingga Januari, sebanyak 70.87% telah siap iaitu 3.16% lebih awal dari perancangan asal iaitu 67.71%,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam sidang akhbar yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kebanyakan kerja-kerja pembinaan seperti kerja pembinaan superstruktur dan laluan ekspress di Batu Kawan dijalankan mengikut perancangan awal, malah, terdapat kerja-kerja pembinaan telah siap lebih awal daripada dijadualkan.

Projek pembinaan JPP2 adalah usahasama antara *China Harbour Engineering Co. Ltd.* (CHEC) dan *United Engineers Malaysia (UEM) Builders Berhad* yang dilantik oleh pemegang konsesi Projek Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dibawah Kementerian Kewangan (*Minister of Finance Incorporated*).

Projek yang telah mula pembinaannya pada 2008 itu dijangka siap pada November 2013 dan bakal menjadi jambatan terpanjang di Malaysia dan Asia Tenggara.

Umumnya, pembinaan JPP2 yang menghubungkan Batu Maung di sebelah pulau dan Batu Kawan di Seberang Perai bukan sahaja mampu mengurangkan kesesakan di jambatan sedia ada, malah, akan melancarkan perjalanan trafik di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas (*Bayan Lepas Industrial Park*).

JPP2 merupakan jambatan pertama di dunia yang menggunakan bahan galas getah rendaman tinggi (HDRB) yang berupaya menyerap gegaran gempa bumi sekaligus melindungi struktur jambatan daripada kerosakan akibat gegaran gempa.

Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC meriah

Oleh: ZULIANA AZIZ

BAYAN BARU – Kira-kira 200 kakitangan dan jemputan khas telah hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang diadakan di atriumnya di sini baru-baru ini.

Selain sajian masakan ala Cina, turut dihidang adalah masakan Melayu bagi memperlihatkan keunikan keharmonian masyarakat berbilang kaum di PDC dan juga Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Pengurus PDC hadir memeriahkan majlis tersebut. Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak, ahli-ahli pengurusan PDC dan Ketua Pegawai Eksekutif anak-anak syarikat PDC yang dijemput khas.

Guan Eng berkata, PDC boleh menjadi pemangkin ekonomi dan pelaksana program sosial yang paling unggul di Malaysia dengan mengamalkan pendekatan inovatif dan kreatif.

“Kerjasama bersama pihak swasta dapat mengurangkan kos pembangunan. Mengambil pihak swasta sebagai rakan kongsi melalui tender terbuka di mana

KAKITANGAN PDC berbilang bangsa bersama-sama menyambut Perayaan Tahun Baru Cina 2012.



yang dipilih bukan sahaja menawarkan harga paling munasabah, mutu yang baik, pengalaman ‘track record’ cemerlang akan menguntungkan kita semua. Keuntungan yang diperoleh mestilah digunakan untuk kebajikan sosial rakyat Pulau Pinang,” katanya dalam ucapan aluan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa penjanaan sumber kewangan merupakan faktor penting bagi melaksanakan projek sosial.

“Sistem pengurusan kewangan yang dipakai oleh PDC boleh disebutkan sebagai sistem ‘wang gandakan wang’. Sistem ini menekankan empat aspek utama iaitu ‘wang kumpul wang’, ‘wang untungkan wang’, ‘wang hasilkan wang’ serta ‘wang jimatkan wang’. Sekiranya kita tidak makan wang, sudah tentu wang akan sentiasa ada,” ujarnya.

KETUA MENTERI DAN ROSLI JAAFAR (KIRI SEKALI) SAMBIL DITEMANI PIHAK PENGURUSAN PDC MENGACAU YEE SANG PADA MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA PDC DI SINI BARU-BARU INI.



Tiada guna PM perangi rasuah jika...

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Tiada gunanya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melaksanakan agenda ‘Memerangi Rasuah’ dalam Program Tranformasi Kerajaan (GTP) sekiranya beliau sendiri tidak berani mewajibkan semua menteri dan timbalan menteri mengisyitarkan harta masing-masing secara terbuka.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini berkata, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ‘Memerangi Rasuah’ sepatutnya mendorong Najib membenarkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat penyelewengan RM250 juta Projek Fidlot Kebangsaan (NFC) yang dikaitkan dengan keluarga seorang menteri.

Ujar beliau lagi, pengaliran keluar negara kira-kira

RM1,077 bilion wang haram termasuk rasuah sejak tahun 2000 hingga 2009 sepatutnya turut disiasat di bawah RCI.

“RCI diperlukan untuk menyiasat skandal ‘lembu dan kondo’ ini kerana pihak umum (rakyat) sudah hilang kepercayaan dalam SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) seperti yang ditunjukkan oleh penurunan dalam kadar dan kedudukan Transparency International (TI).

“Lebih teruknya adalah keengganan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menubuhkan RCI mengenai skandal ‘lembu dan kondo’ ini,” ujarnya pada satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Pada April 2009, Najib mengumumkan agenda ‘Memerangi Rasuah’ sebagai salah satu dari enam NKRA dalam GTP.

Namun, selepas tiga tahun, didapati Indeks Persepsi

Rasuah (CPI) yang diumumkan TI menyaksikan Malaysia menurun 4.3 daripada 10. Penurunan itu meletakkan Malaysia pada tangga ke-60 dari 183 negara.

Disebabkan itu juga, beliau mempersoal langkah pentadbiran Najib memperuntukan lebih RM200 juta pada SPRM sejak tahun lepas.

Berbanding pada tahun 1996, beliau berkata, bajet RM29.4 juta kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) berjaya meletakkan Malaysia pada tangga 26 dengan CPI tertinggi dalam 17 tahun, iaitu 5.32.

“Nampaknya lagi besar bajet, lagi ramai staf dan lagi banyak sumber yang diberi kepada SPRM (maka) lagi teruk keadaan rasuah di Malaysia

‘Ke mana pergiya bajet hampir tujuh kali ganda atau lebih sebanyak RM172.8 juta dalam bajet anti rasuah pada tahun 2011 berbanding 1996,’ tegas Guan Eng.

Kesederhanaan Guan Eng curi tumpuan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina BN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Lim Guan Eng bersama isterinya, Betty Chew baru-baru ini menjadi antara tetamu istimewa pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional (BN) negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor turut hadir pada majlis tersebut di Tanjung Marina, di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut turut dihadiri bekas Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap bekas Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Pengurus Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Zainal Abidin Osman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya.

Kesederhanaan Guan Eng meramahi rakyat yang hadir di majlis tersebut menerima reaksi positif. Malah, rakyat yang ditemui, rata-ratanya memuji Guan Eng kerana sudi hadir ke majlis keraian itu walaupun ia dianjurkan pihak pembangkang.

Guan Eng ketika diminta

mengulas mengenai hal itu berkata, perayaan budaya tidak seharusnya rigid dengan perbezaan faham politik kepartian.

“Saya mahu menjadi seorang yang sederhana dalam segala perkara. Kalau boleh, saya mahu menjadi seorang pemimpin yang sederhana untuk semua rakyat termasuk komuniti pembangkang di negeri ini.

“Lagipun, (perayaan) Tahun Baru Cina ini adalah perayaan untuk seluruh rakyat Malaysia, maka, eloklah diraikan tanpa mengira warna kaum atau politik,” ujarnya.

KETUA MENTERI bersalam dengan hadirin yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional negeri di Tanjung Marina di sini baru-baru ini. Turut kelihatan adalah Hilmi Yahaya (berbaju batik biru).



KETUA MENTERI dan Lim Hock Seng (kiri kali) menyampaikan ‘ang pow’ kepada salah seorang warga emas yang hadir pada majlis penyerahan ‘ang pow’ kepada golongan kurang berkemampuan di sini baru-baru ini.

Sumbangan ‘ang pow’ dan limau kepada golongan miskin

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

BUTTERWORTH – Sebagai inisiatif untuk membasi miskin tegar di negeri ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah memperuntukkan sebanyak RM6.32 juta bagi membantu menambah pendapatan (*top-up*) golongan yang memperoleh kurang daripada RM420 kepada RM500 setiap bulan sejak tahun 2009.

Malah, pada tahun ini, jumlah tersebut dinaikkan kepada RM600 bagi mereka yang memperoleh pendapatan kurang daripada jumlah tersebut setiap bulan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada majlis penyerahan ‘ang pow’ kepada golongan kurang berkemampuan di hadapan Tong Tua Pek Gong, Kampung Baru, di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut telah disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri sambil ditemani Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal serta beberapa orang ahli jawatankuasa tokong berkenaan.

Selain ‘ang pow’ dan buah limau yang diserahkan secara serentak, tetamu yang hadir turut disajikan dengan pelbagai hidangan bertujuan merasai nikmat menyambut perayaan Tahun Baru Cina bersama golongan kurang berkemampuan.

1,000 kanak-kanak istimewa dirai

DIHARGAI... Seramai 1,000 kanak-kanak istimewa telah dijemput bagi sama-sama merasai nikmat menyambut perayaan Tahun Baru Cina yang berlangsung di Pusat Konvensyen Sunway, Sunway Karnival, Seberang Jaya, di sini baru-baru ini.

Majlis makan tengahari tersebut adalah anjuran Kelab Rotari Seberang Jaya di mana 1,000 kanak-kanak tersebut dijemput dari sekolah-sekolah khas iaitu sekolah cacat penglihatan, bisu, pekak, buta, anak-anak yatim serta golongan miskin di sini.

Pada majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyampaikan ‘ang pow’ kepada kanak-kanak istimewa terbabit serta sumbangan khas kepada beberapa badan amal di negeri ini.

Bagi memeriahkan majlis, beberapa persembahan istimewa juga telah disajikan kepada tetamu seperti persembahan alat muzik dan tarian.



KETUA MENTERI menyerahkan ‘ang pow’ kepada salah seorang kanak-kanak istimewa pada Majlis Makan Tengahari Sambutan Tahun Baru Cina di Sunway Karnival, Seberang Jaya, di sini baru-baru ini.

Kekal toleransi, kebajikan kaum janji keharmonian

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sempena perayaan Thaipusam yang disambut meriah oleh penganut Hindu baru-baru ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru seluruh rakyat termasuk masyarakat India menyata dan mengandakan sokongan terhadap Kerajaan Negeri berkebajikan.

Beliau berkata, Thaipusam yang jatuh pada bulan ke sepuluh dalam kalender Hindu diraikan sebagai tanda kemenangan dan untuk membayar nazar atas kebaikan yang telah diperoleh.

“Wang bukanlah segala-galanya, sebaliknya maruah dan kehormatan adalah simbol kemuliaan yang utama untuk kita pertahankan. Semangat toleransi adalah asas kekuatan yang menjadikan kita hidup dalam suasana aman damai dengan

kepelbagaian masyarakat majmuk yang ada.

Tambah beliau, diharap Pulau Pinang pada tahun 2015 akan menjadi negeri pertama yang dapat menghapuskan kemiskinan.

“Penting di Malaysia dan Pulau Pinang



KETUA Menteri dan Ramasamy (tiga dari kiri) bergambar kenang-kenangan di salah satu panthal bersempena sambutan Hari Thaipusam.

untuk menjadi sebuah negara kebajikan agar dapat membantu semua rakyat yang memerlukan terutamanya yang miskin. Kerana kita tidak mahu sesiapapun ketinggalan ke belakang, sebab itulah kita (Kerajaan Negeri) wujudkan pemberian kepada warga emas, pelajar emas dan anak emas” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Bersempena sambutan Hari Thaipusam, Ketua Menteri sambil ditemani Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri berkunjung ke pelbagai lokasi di Pulau Pinang untuk melihat dengan lebih dekat tradisi memecahkan kelapa, mengangkat ‘kavadi’ bagi membayar nazar dan perarakan ‘rata’ atau pedati perak yang membawa berhala Dewa Murugan.



ANTARA kavadi yang dibawa berarak berjalan menuju ke kuil.

baru-baru ini.

Selain penganut agama Hindu, perayaan Thaipusam juga menarik perhatian pelancong asing yang mengambil kesempatan merasai sendiri pengalaman bersama kira-kira 200,000 penganut agama dari seluruh negara untuk melihat dengan lebih dekat tradisi memecahkan kelapa, mengangkat ‘kavadi’ bagi membayar nazar dan perarakan ‘rata’ atau pedati perak yang membawa berhala Dewa Murugan.

PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH

SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋
请更新您的资料

நடுத்தர மலிவு விலை வீடுகளுக்கான விண்ணப்பம்
உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://erumah.penang.gov.my>
atau Tel: 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel: erumah@penang.gov.my



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
TINGKAT 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG



MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012

Permohonan sebelum tahun 2008 perlu dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini, baru layak untuk ditawarkan rumah.

Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:

- Pejabat Wakil Rakyat
- Pejabat Daerah Dan Tanah
- Pejabat Rancangan Perumahan
- Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar

从2011年12月15日至2012年3月31日

**只有在2008年前申请者需要更新资料，
只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。**

更新表格(PN2)可在以下地点获得：

- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட பிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:

- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நில மற்றும் வட்டார அலுவலகம்
- விட்டமைப்பு திட்டத்தின் அலுவலகம்
- விட்டமைப்பு பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்

Seminar keselamatan jalan raya khas untuk warga emas

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Bagi mewujudkan sikap pemanduan berhemah dalam kalangan masyarakat pada semua peringkat umur, satu seminar berhubung pemaduan berhemat khas buat warga emas berusia 60 tahun ke atas akan diadakan pada 26 Februari ini di Hotel Gurney bermula jam 8.30 pagi hingga 3 petang.

Penganjuran kali pertama seminar bertajuk, ‘Keselamatan Anda Tanggungjawab Kami’ adalah bertujuan menjadi pemangkin atau kesedaran bagi mempromosi tahap keselamatan dalam kalangan pengguna jalan raya terutama golongan warga emas.

Berdasarkan data dari Forum Pengangkutan Antarabangsa dan Keselamatan Trafik Antarabangsa dan Analisis Data Kumpulan (IRTAD), Malaysia menduduki tempat tertinggi daripada 33 negara dikaji dari segi kematian setiap 100,000 penduduk, negara mencatatkan 23.8 kematian.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow yang ditemui pada sidang medianya, seminar tersebut diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya, menjadi pengguna yang bertanggungjawab dan dalam jangka masa panjang mengukuhkan mod pengangkutan awam untuk memberikan



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama barisan penganjur seminar ‘Keselamatan Anda Tanggungjawab Kami’ khusus untuk warga emas di sini baru-baru ini.

alternatif lebih baik.

“Kita dapat ramai warga emas yang masih memandu. Oleh itu, seminar ini dapat menilai sejauh mana kecekapan pemanduan warga emas di Pulau Pinang,” tambah beliau.

Dalam pada itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pengamal perubatan dari Hospital Pulau Pinang akan turut serta untuk memberikan input mengenai keselamatan jalan raya kepada warga emas yang hadir pada hari tersebut.

Seminar ini diadakan secara percuma dan terbuka kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai lesen memandu. Walau bagaimanapun, tempat adalah terhad kepada 100 orang terawal sahaja. Warga emas yang berminat untuk mendaftar boleh menghubungi pejabat Kon Yeow di talian 04 – 261 9888 pada waktu pejabat.

“Jangan libatkan anak-anak saya,” Guan Eng

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta keluarganya berasa kecewa dan kesal dengan kenyataan dikeluarkan Menteri Pertahanan yang secara langsung telah mengheret anak perempuan beliau ke dalam putaran politik menteri berkenaan.

Dalam kenyataan dikeluarkan Guan Eng, beliau berkata, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Sibu baru-baru ini, telah mengheret anak perempuannya ke dalam putaran terbarunya apabila beliau (Ahmad Zahid) menyatakan bahawa program Khidmat Latihan Negara (PLKN) kini diterima secara meluas dan dipercayai ibu bapa yang ia memberi kesan positif terhadap anak-anak mereka.

Tambahnya, Ahmad Zahid mendakwa bahawa Guan Eng dan ayahnya, Lim Kit Siang telah melihat bagaimana anak perempuannya telah berubah menjadi lebih baik selepas menghadiri program di kem PLKN Balik Pulau di sini.

“Ini tidak benar. Anak perempuan saya adalah seorang anak yang baik dan peribadi beliau adalah sama sebelum dan selepas menyertai kem PLKN. Saya dan bapa saya tidak pernah memberitahu Zahid (Ahmad Zahid) seperti yang didakwa oleh beliau dan kami tidak pernah mengucapkan terima kasih kepadanya (Ahmad Zahid),” ujar.

Menurut Guan Eng, anak perempuannya telah terpilih untuk menyertai kem PLKN bagi sesi 2008-09 yang mana telah dipatuhi oleh anaknya. Keluarganya tidak pernah berbincang mengenai pengalaman anaknya itu, lebih-lebih lagi baik atau buruk di kem, kerana

anaknya masih di bawah 21 tahun dan seorang pelajar tidak seharusnya terlibat dengan politik.

“Saya dan keluarga sangat sayangkan anak saya dan mahu melindungi privasi beliau. Kami telah melindungi beliau dari silau publisiti supaya dia boleh membesar dan menikmati kehidupan dengan rakan-rakannya sebagai seorang kanak-kanak normal. Kami berharap bahawa Zahid boleh menghormati privasi anak perempuan saya dan tidak mengheret beliau ke dalam permainan politik beliau untuk menjustifikasi program PLKN,” tambah Guan Eng dengan nada kecewa.

Dalam pada itu, Guan Eng juga kesal kerana kejadian yang juga merupakan kejadian kedua menimpa keluarganya selepas isu anak lelaki beliau yang berumur 15 tahun disabitkan dengan skandal seksual mencabul rakan sekelas pada tahun lepas. Pelbagai tohongan telah dilalui oleh anak serta keluarganya dek fitnah yang telah dilemparkan oleh individu tidak bertanggungjawab parti pembangkang demi kepentingan peribadi.

“Saya menyeru kepada para pemimpin parti pembangkang supaya melontarkan pembohongan anda kepada saya jika perlu, tetapi tolong jangan libatkan anak-anak saya.

“Mereka masih bersekolah dan tidak sepatutnya terlibat dengan politik. Dengan terus mengheret anak-anak saya dengan pembohongan atau kenyataan yang tidak benar merupakan satu tindakan terdesak yang menunjukkan kurangnya nilai-nilai moral dan ketiadaan pertimbangan etika pihak terlibat,” tegas Guan Eng.

MPSP rancang anjur senamrobik setiap bulan

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

JAWI – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merancang untuk menjadikan senamrobik sebagai program bulanan rakyat di negeri berkenaan selari dengan kempen “Pulau Pinang Bersih, Hijau dan Selamat”, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian selepas menyertai senamrobik anjuran warga MPSP.

“Kalau Pulau Pinang sahaja bersih dan hijau, tidak cukup. Rakyat (sama ada) di sini (Seberang Perai Selatan) atau di Seberang Perai Tengah atau Seberang Perai Utara pun perlu mempunyai gaya hidup yang sihat dengan aktiviti sebegini



(senamrobik).

“Program ini sebenarnya dibuat untuk warga MPSP peringkat Seberang Perai Selatan sahaja, tetapi, apa yang kita lihat orang awam juga bawa keluarga untuk turut serta. Maka, kita rancang untuk mengadakan program sebegini kalau boleh pada hari Sabtu dua minggu sekali atau

sekurang-kurangnya tiap-tiap bulan,” ujar beliau di Padang Awam Jawi, di sini baru-baru ini.

Serentak dengan penganjuran senamrobik di Padang Awam Jawi, beliau berkata, MPSP turut menganjurkan senamrobik di Taman Kota Tugu Demokrasi di Bagan.

Sesi senamrobik tersebut turut

disertai oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng serta Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebakan Banjir, Law Choo Kiang yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, dan ADUN Jawi, Tan Beng Huat.

(Barisan depan, dari kanan). TAN Beng Huat, Maimunah Mohd. Sharif, Ketua Menteri dan Law Choo Kiang bersama-sama warga MPSP dan orang ramai melakukan aksi senamrobik di Padang Awam Jawi di sini baru-baru ini.

Inkubator inovasi bakal dibangunkan di PP

GEORGE TOWN – Projek Inkubator Inovasi dan Penyelidikan Pulau Pinang (PRII) akan dibangunkan oleh Majlis Sains Pulau Pinang sebagai satu medium perkembangan inovasi dan penemuan saintifik terulung di Malaysia.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika sidang medianya berkata, pembangunan PRII ini selari dengan visi yang ingin dicapai oleh Kerajaan Pulau Pinang ke arah negeri antarabangsa dan pintar.

“Kini, Pulau Pinang telah menjadi sebuah hub teknologi tinggi di Malaysia dan dengan adanya PRII ini, kita yakin akan memperoleh penemuan sains dan teknologi yang akan menjulang nama Pulau Pinang di arena global,” ujar beliau.

Pembinaan inkubator berkenaan merupakan inkubator pertama di Malaysia bagi melatih dan memperbaikkan para ilmuan dan pekerja berkemahiran tinggi khusus dalam mencipta inovasi dan penyelidikan di negeri ini.

Inkubator berkenaan akan dibangunkan di kawasan seluas 2.4 ekar berhampiran Zon Perindustrian Bayan Lepas.

Dokumentasi berkenaan inkubator tersebut boleh dimuat turun dari laman web <http://www.penang.gov.my/> bermula 14 Februari 2012.



KETUA Menteri dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Datuk Rosli Jaafar (kiri sekali) menunjukkan pelan PRII yang akan dibangunkan berhampiran Zon Perindustrian Bayan Lepas.

Tanah perkuburan Islam tidak lagi diceroboh

PERMATANG PASIR – Keresahan para penduduk berhubung masalah pencerobohan haiwan liar di sekitar tanah perkuburan Islam Masjid Bukit Indera Muda bakal berakhir hasil tindakan pantas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan terbabit.

Peka dengan masalah tersebut, ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man telah mengambil keputusan untuk membina pagar konkrit bagi mengelakkan haiwan-haiwan liar seperti khinzir, anjing, memerang dan ular daripada menceroboh kawasan berkenaan. Pada masa sama, turut membimbangkan adalah keselamatan kanak-kanak yang bermain di kawasan berkenaan.

Inisiatif tersebut adalah hasil lawatan beliau bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Masirah Che Ani, beberapa pegawai daerah dan wakil penduduk setempat.

KEADAAN tanah perkuburan Islam Masjid Bukit Indera Muda di sini.



MOHD. Salleh Man (tiga dari kanan) ditemani Masirah Che Ani (bertudung biru) tekun mendengar penjelasan wakil penduduk berhubung masalah dihadapi.

Guan Eng desak tubuh RCI siasat RM4 billion Proton hilang

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

BUKIT BENDERA – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng mendesak penubuhan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kehilangan RM4 bilion dana Proton yang menurut dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad berpunca daripada pengurusan yang lemah dalam syarikat pembuat kereta negara itu sendiri.

Beliau mencadangkan bekas Ketua Pengarah Eksekutif (CEO), Tan Sri Mahaleel Ariff sendiri sebagai salah seorang ahli panel RCI bagi menyelamatkan kepentingan rakyat dalam syarikat tersebut.

“Satu RCI perlu dibentuk untuk menyiasat salah urus Proton dan kerugian berbilion ringgit yang dialami sepanjang waktu ini, terutamanya kerugian berjumlah RM3.4 bilion dalam bentuk simpanan tunai.

“Siasatan haruslah menentukan sama ada kerajaan boleh mengurangkan kerugian dengan menggulung syarikat Proton secepat mungkin, atau mengambil risiko kerugian lebih besar seperti yang terjadi dalam perjanjian MV Augusta.

“Ini adalah satu perkara serius, memandangkan Proton adalah pembuat kereta nasional,” ujarnya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Puteh berkata, siasatan RCI wajar melihat bersama pada proses penjualan 42.7 peratus saham Proton kepada DRB-Hicom Berhad dengan sebutan harga RM1.3 bilion atau RM5.50 seunit saham sama ada munasabah atau sebaliknya.

“Menjual pegangannya pada harga RM1.3 bilion atau RM5.50 satu saham, iaitu separuh daripada nilai ‘book value’ Proton iaitu RM9.81 satu saham dan juga nilai asal yang dibayarnya iaitu RM8 satu

saham.

“Sekali lagi, ini adalah satu contoh pengendalian buruk kerajaan yang mengakibatkan kerugian kepada pembayar cukai,” ujarnya.

Desakan untuk menubuhkan RCI tersebut adalah susulan daripada CEO Proton Holding, Datuk Mohammed Azlan Hashim didedah mempunyai aset tunai serendah RM600 juta sahaja sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar, *The New Straits Times*, 7 Februari lepas.

Ketika Mahaleel menjadi CEO Proton Holding, Dr. Mahathir mendedahkan lebih RM4 bilion simpanan tunai berjaya dikumpulkan dalam syarikat pembuat kereta nasional tersebut.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut mendedahkan bahawa kerugian tersebut antara lain berpunca daripada penjualan *MV Augusta* kepada “sebuah syarikat yang tidak dikenali”, iaitu *Fevi SpA* pada tahun 2006 dengan harga 1 Euro.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH?



Bayaran *Online* lebih mudah..!
<http://etanah.penang.gov.my>



ELAKKAN DIKENAKAN

DENDA LEWAT!

BAYARAN AWAL ATAU
SEBELUM
31 MEI SETIAP TAHUN

Sila Hubungi Pejabat Tanah & Daerah berdekatan untuk maklumat lanjut.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Cassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAI YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Puan Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 019 - 481 7823 (T) 016 - 401 3507
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzelin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hiltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501 522 (F) 04 - 2501 523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_olk@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapree adun.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my ; nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen pkrbkitengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Tuan Raveentharan a/l Subramiam raveenkeadian@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnjayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Puan Hajah Zabariah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Tuan Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah arif@arifshah.com	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Tuan Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Tuan Sr. Haji Muhammad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain albertami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	(T) 019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krissoft.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@gmail.com	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abiteghu@gmail.com	(T) 04-390 5109
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hjwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuhismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hamid@gmail.com	(T) 016-400 6462

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-658 1122
BOMBA	994		04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WWC	04-228 0342		
EPF	04-397 1058	PERSATUAN PERUNDUNGAN	04-829 4046
SOCSCO	04-226 1000	KANAK-KANAK	
	04-238 9888	CAP	04-829 9511

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN

N1 Penaga : 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N22 Tanjung Bungah : 012 - 232 6101	- Carol
N2 Bertam : 012 - 490 6546	- Abd Rashid	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N3 Pinang Tunggal : 019 - 437 2887	- Muhasdey	N24 Kebun Bunga : 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N4 Permatang Berangan : 019 - 510 2633	- Arshad Md. Salleh	N25 Pulau Tikus : 012 - 488 3227	- Joe
N5 Sungai Dua : 019 - 477 6740	- Md. Fahmi Abd. Wahab	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N27 Pengkalan Kota : 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N7 Sungai Puyu : 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N28 KOMTAR : 012 - 412 6284	- Adreena
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N9 Bagan : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 010 - 464 3308	- Anna
N10 Seberang Jaya : 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N31 Batu Lancang : 012 - 480 3885	- Ooi Soo Chuan
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N12 Penanti : 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N33 Air Itam : 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N13 Berapit : 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N34 Paya Terubong : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubuk : 019 - 546 3257	- Rynu	N35 Batu Uban : 012 - 409 7507	- A. Francis Xavier
N15 Padang Lalang : 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee	010 - 562 2004	- M. Sri Jaimuralydasan
N16 Perai : 012 - 339 3479	- Pn. Rajalethchumi		- Victor
N17 Bukit Tengah : 016 - 469 5343	- Amizuddin	N36 Pantai Jerejak : 019 - 443 2088	- Latifah
N18 Bukit Tambun : 016 - 442 0820	- Ong Eu Leong	N37 Batu Maung : 013 - 510 1968	- Asnah Bt Hashim
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N38 Bayan Lepas : 019 - 472 6956	- Hj Md Tuah Ismail
N20 Sungai Bakap : 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N39 Pulau Betong : 019 - 570 9500	- Halil Sabri
N21 Sungai Aceh : 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A.Bakar	N40 Telok Bahang : 016 - 400 6462	

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewo@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Cik Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP)	012 - 571 2250
En. Guanalan a/l Senggalaney (DAP)	013 - 485 3128
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) tftiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO)	013 - 414 4822
En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012 - 483 0878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 42822 50
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Lim Siew Khim (DAP)	016 - 531 6026
Lim Cheng Hoe (DAP)	016 - 438 4809
Tan Hun Wooi (DAP)	012 - 488 0409
En. Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Ooi Keat Hin (PKR)	016 - 417 1331
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016 - 422 2142
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04 - 657 7464 (Tel) 012 - 472 8114
Encik Izuree Bin Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205 019 - 450 7890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012 - 472 6725
Encik Teh Lai Heng (DAP)	016 - 445 9808
Encik Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012 - 412 2558
Encik Tan Seng Keat (PKR)	012 - 438 6191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR)	019 - 456 0077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR)	013 - 432 0207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR)	012 - 438 0873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO)	012 - 463 5959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012 - 422 1880
Encik Sin Kok Siang (NGO)	016 - 422 2255
Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com	016 - 470 7089

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

YAP LEE YING
ZULIANA AZIZ
NORSHAHIDA YUSOFF

Jurugambar:
CHAN LILIAN
ALISSALA THIAN

AINUL WARDAH
ZAINULFAQAR

LAW SUUN TING
MOHD. HAFIZ

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**"
019 357 9726

Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375
04 - 650 5559, 04 - 650 5561, 04 - 650 5705,
04 - 650 5256

sertai kami melalui "**emel blast**"

unitkomunikasi@pejabatkm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Feb./Mac 2012**

24-26hb Februari
Penang International Halal Expo and Conference 2012



PISA Arena & Eastin Hotel, Penang



2hb - 4hb Mac
KFC/PSC International Regatta
Penang Swimming Club

YAB Lim Guan Eng
chief minister of Penang

WORD OF ENCOURAGEMENT

The Lord impressed upon my heart to say this, if I may, to you:
He is well pleased with you. He is pleased with the integrity of your heart. He would like to lift you up in your spirit. He said, "I know I have a plan for you, a plan not to harm you but a plan to prosper you and to bring you hope and a future. As you lead this state with an integrity of your heart, I am preparing you for a great and mighty responsibility for the nation of Malaysia. As you get ready for this great and mighty task ahead of you, be steadfast in your faith. I am going to lead you with an outstretched arm, you may walk through the fire, you will not be burned. You may walk through water, you will not be drowned. Take heart! I am going to show you great and mighty things."

[Signature]

ONG KONG KIENE, Penang
012-8571498

Iklaneka



Hanya
**RM 18.75 /
RM 37.50
sebulan!**

Buletin Mutiara boleh diperoleh di :

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:
04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004
shawal@penang.gov.my atau shawal_rnz@yahoo.com



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang (kanan sekali) dikalungkan kalungan *garland* bersama-sama sempena sambutan Thaipusam.



AKSI beberapa kanak-kanak yang bakal membuat persembahan pada Majlis Sambutan Kebudayaan dan Warisan Tahun Baru Cina di Jalan Kapitan Keling.

ISTERI
tuk d
Baru



TUAN Yang Terutama Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (lima dari kiri) bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Kesukuran Bacaan Yassin Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H/2012M di Masjid Negeri Pulau Pinang.



AKSI kontinjen Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada peringkat Negeri Pulau Pinang



SPEAKER Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain (kanan sekali) bersama beberapa pegawai kawasan Balik Pulau menunjukkan tanda bagus pada pengajuran program Kayuhan Mesra Balik Pulau.



SALAH seorang peserta yang menyertai Kayuhan Basikal Ke London 2012 bergambar kenang-kenangan bersama belum memulakan ekspedisi.



Ri kepada Ahli Parlimen Bukit Gelugor memegang kalungan bunga ungu dan disampaikan kepada para penari sempena Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina DUN Datuk Keramat.



SEKUMPULAN pelajar SJK (C) Kwang Hwa, Butterworth ceria selepas menyerahkan permainan lama kepada Pertubuhan Wanita Mutiara untuk tujuan amal.



Perarakaman Sambutan



KETUA Menteri dan isteri tersenyum melihat gelagat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Barisan Nasional di Tanjung Marina, Weld Quay.



Amal Pulau Pinang

SEORANG pelajar menunjukkan reka ciptanya pada penganjuran Pameran dan Pertandingan Reka Cipta Solar Malaysia di SMJK Heng Ee.



JAWATANKUASA Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bahagian Seberang Perai membaca liputan berita Buletin Mutiara sementara menunggu ketibaan dif-dif jemputan khas pada Program Ketua Menteri Bersama ADUN, JKKK dan Pegawai Penyelaras KADUN Bahagian Seberang Perai di Dewan Besar Sungai Dua.

Amalan 8S

semasa berurusan dengan pelanggan

SALAM	SEMPURNA
SAYANG	SENSITIF
SEGAK	SENYUM
SEGERA	SOPAN

<http://ebayar.penang.gov.my>



Pembayaran Bagi ...

- ✓ Cukai Tanah
- ✓ Pinjaman Penuntut
- ✓ Cukai Taksiran MPPP
- ✓ Cukai Taksiran MPSP

GOVPG@15888

Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sonarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah
Semakan Status Pinjaman Penuntut
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut

Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut



eZec

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulang

ePINTAS

Penang Information And Complaint System

<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE

1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010

i-Sejahtera

Sistem Penghargaan Warga Emas

<http://isejahtera.penang.gov.my>

warga emas
miskin tegar

NOTIS PEMBERITAHUAN

MULAI 1 JULAI 2011,
PEMBAYARAN UNTUK SEMUA
URUSAN TANAH DENGAN
MENGGUNAKAN CEK
ADALAH
TIDAK DIBENARKAN
KECUALI
UNTUK BAYARAN
CUKAI TANAH SAHAJA

BERKUATKUASA 1 JULAI 2011

Notis Pemberitahuan - Tidak Membenarkan Penggunaan Cek Untuk Bayaran Urusan Tanah Kecuali Cukai Tanah

my Penang my workplace

Penang CAT
Career Assistance and Talent Centre

www.penangcatcentre.my

your global gateway to Careers in Penang

invest Penang

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

PENANG TRADE EVENTS
2012 PARTNER

PIHEC 2012

3rd PENANG INTERNATIONAL HALAL EXPO & CONFERENCE

24 - 26 FEBRUARY

HALAL EXPO
PISA Penang
WITH SPECIAL SECTION
ON SPICE & SEAFOOD

FREE ADMISSION

HALAL CONFERENCE
Eastin Hotel Penang
PERSONAL CARE & COSMETICS

24-26 Feb

25 Feb

Organised by :

PIHH HALAL PENANG

04 261 6244 www.halalpenang.com

Festival Simfoni Mahabbah

Pertandingan Nasyid
9.00 pagi

Konsert Bisikan Hati
8.30 malam

Bicara Artis
2.30 petang

25 Februari 2012

MASUK PERCUMA

mawi | akhil hayy |
waheeda | hijaz |
ustaz don daniyal |
ustaz roslan che rus

Bertempat di PISA
sempena Persidangan &
Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang 2012

Jom pakat-pakat pi!!!

PIHH

Misteri akhbar ‘‘Debat Perdana’’ pro pembangkang gamit tanda tanya?

GEORGE TOWN – Akhbar ‘‘Debat Rakyat’’ yang disebarluaskan di pekarangan Komtar menempatkan pejabat pentadbiran Kerajaan Negeri baru-baru ini menggamtit pelbagai tanda tanya.

Sama ada akhbar itu didalangi oleh pembangkang Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak lain, pemimpin UMNO dan Barisan Nasional (BN) negeri mempunyai jawapannya.

Namun, dari artikel berita yang dimuatkan dalam akhbar misteri tersebut, rata-ratanya berkisar pada memburuk-burukkan imej Kerajaan Negeri serta pemimpin utama Pakatan Rakyat.

Isu dalaman PAS, peribadi Penasihat PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Presiden PAS) serta fitnah kes ‘‘Liwat II’’ yang dikaitkan dengan Ketua Pembangkang Parliment Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim antara

berita utama dalam akhbar tersebut.

Rekod Kerajaan Negeri Pulau Pinang membina kira-kira 11,596 unit rumah mampu milik sejak Mac 2008 turut ditohmah sebagai rekod bohong Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Lebih menarik, akhbar misteri tersebut memuji kepemimpinan UMNO khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta membuat laporan khusus di Perhimpunan Agung UMNO Ke-62 lepas.

Difahamkan, setakat ini, akhbar tanpa permit ini masih belum menerima sebarang laporan polis untuk siasatan lanjut.

Dijangka, penyebaran akhbar berunsur hasutan dan fitnah oleh pihak tertentu akan diteruskan demi memujuk rakyat khususnya pengundi Melayu supaya menolak rekod perubahan yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak empat tahun lepas.



AKHBAR misteri yang diedarkan umum.

Mengapa UMNO tak masuk tender terbuka Bayan Mutiara? – Guan Eng

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Pembangkang Pulau Pinang dinasihatkan supaya menghentikan fitnah ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai penjualan 102.6 ekar tanah di Bayan Mutiara kepada pemaju Ivory Properties Group Berhad (Ivory).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, UMNO negeri sewajarnya tidak menyalahkan Kerajaan Negeri kerana menjual tanah tersebut kepada Ivory, sebaliknya, mereka wajar menawarkan harga belian yang jauh lebih tinggi dari

harga ditawarkan pemaju berkenaan.

“Sekiranya UMNO cakap harga penjualan RM240 sekaki persegi adalah rendah sangat dan harga yang lebih tinggi boleh diperoleh, mengapakah syarikat kroni UMNO tidak masuk tender membida tanah tersebut?” nyata beliau di dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri menerima harga paling tinggi yang ditawarkan oleh Ivory, iaitu RM240 sekaki persegi yang mesti dibayar dalam tempoh lima tahun menjadi keseluruhan bayaran RM1.07 bilion.

“Penjualan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) itu

merangkumi 67.6 ekar tanah dan 35 ekar tanah tambakan laut. Kos tambakan laut ditanggung sendiri oleh pemaju, Ivory.

“Penjualan tanah dibuat secara tender terbuka menerusi Request for Proposal (RFP) serta diiklankan dalam akhbar pada dua tahun lepas,” ujarnya.

Beliau turut menyangkal dakwaan pembangkang kononnya pemaju bebas untuk tidak membina rumah mampu milik di atas tanah berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, pemaju masih terikat dengan syarat ditetapkan Majlis Parbandaran Pulau Pinang (MPPP) seperti membina

sejumlah tertentu rumah mampu milik, surau serta keperluan-keperluan awam lain dalam satu-satu projek pembinaan.

“Kerajaan negeri telah menggunakan keuntungan daripada penjualan tanah ini sebanyak RM500 juta sebagai Tabung Rumah Mampu Milik. Pembinaan lebih 12,000 unit rumah mampu milik di Batu Kawan daripada dana RM500 juta ini adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri sendiri dan tidak ada kena-mengena dengan pemaju di Bayan Mutiara. Pemaju tersebut masih terikat dengan syarat rumah mampu milik tetapi di kawasan pulau,” jelas Guan Eng.

Suntikan modal US\$25 juta dan 100 peluang kerja baru untuk Pulau Pinang



ROSNI Jaafar (tiga dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Andreas Scheibe (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan Timbalan-timbalan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani MOU di antara PD dan VAT di sini baru-baru ini.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebuah kilang pengeluar semi-konduktor antarabangsa dalam sektor pembuatan injap-injap vakum, VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd. (VAT) telah memilih Pulau Pinang di antara negara rantau Asia lain dengan pembukaan kilang baru berkeluasan 7.5 hektar di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Andreas Scheibe berkata, faktor utama Pulau Pinang dipilih sebagai lokasi pelaburan baru pihaknya adalah disebabkan infrastruktur moden serta sokongan padu daripada Kerajaan Negeri dan Malaysian Investment Development Authority (MIDA).

“Ketersediaan pekerja berkelulusan dan berkualiti

tinggi, jaringan pembekal yang banyak dan cekap dalam membekalkan komponen elektronik dan mekanikal serta infrastruktur pengangkutan moden menjadi tarikan utama untuk kami mengembangkan perniagaan di sini,” katanya pada Majlis Menandatangani MOU di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan VAT Manufacturing Sdn. Bhd.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar dan Pengarah MIDA, Zabidah Daud.

Terdahulu Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dengan suntikan modal sebanyak 25 juta US Dollar tersebut sekaligus membuka 100 peluang pekerjaan baru di kawasan Batu Kawan, di mana lebih 65

peratus daripadanya adalah berintensifkan kemahiran dan pengalaman.

“VAT yang akan memulakan operasinya Disember tahun ini bukan saja membuka peluang pekerjaan buat rakyat setempat, malah, 50% sumber bekalan operasinya adalah daripada pembekal tempatan yang berkelayakan.

Tambah beliau, walaupun ianya adalah langkah kecil buat VAT, namun, adalah peluang terbesar buat rakyat dan negeri ini apabila terpilih di antara tujuh buah negara lain seperti China, Jepun, Korea, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

“Wawasan Pulau Pinang agar dapat menjadi sebuah bandaraya pintar bertaraf antarabangsa boleh terlaksana sekiranya kita meneruskan untuk membina, mengekalkan dan menarik pelabur baru datang ke sini,” ujar Guan Eng.

Pulau Pinang sasarkan peningkatan nilai pelaburan 2012

GEORGE TOWN – Nilai pelaburan yang telah ditetapkan pada Mei tahun lalu berjumlah RM6.1 bilion ternyata berjaya dipintas dengan nilai pelaburan sehingga akhir Disember 2011 berjumlah RM10.0 bilion.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya menyatakan bahawa, nilai pelaburan Pulau Pinang telah melepasasasaran asal iaitu RM6.1 bilion. Malah, pada tahun 2010, Pulau Pinang telah mencatat nilai pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu RM12.2 bilion.

Bagaimanapun, beliau berkata, nilai pelaburan tersebut perlu merangkumi nilai pelaburan dalam dua sektor terkini di Pulau Pinang iaitu sektor berteknologi tinggi (*high technology*) dan sektor solar yang diterajui oleh *Ibiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd.* dan *Robert Bosch Solar* yang berjumlah RM4.0 bilion.

Beliau juga berkata bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (*Ministry of International Trade and Industry* - MITI) berkaitan kejatuhan nilai pelaburan negeri berbanding tahun lalu adalah tepat. Walau bagaimanapun, analisis terakhir nilai pelaburan perlu merangkumi nilai pelaburan sehingga 31 Disember 2011.

“MITI perlu memasukkan nilai pelaburan berjumlah RM4.0 bilion dalam nilai pelaburan berjadual kerana nilai pelaburan terakhir yang dicatatkan adalah RM10.0 bilion menerusi dua sektor baharu,” ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa walaupun Pulau Pinang pernah mencatatkan angka tertinggi dalam pelaburan pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menurunkan sasaran bagi tahun 2011 untuk menarik lebih banyak nilai tambah dalam industri berteknologi tinggi serta syarikat-syarikat yang berasaskan inovasi dan berdaya saing.

Dalam pada itu, beliau juga memetik satu laporan yang dikeluarkan oleh sebuah firma penyelidikan, Tholons mengenai “*Top 100 Outsourcing Destinations in the World*” baru-baru ini yang menyatakan bahawa Pulau Pinang telah mencatat pemeringkatan dari tangga ke-79 ke tangga ke-77 dunia.

“Kami (Kerajaan Negeri) berharap untuk menarik lebih ramai BPO (*Business Process Outsourcing*) dan industri lain seperti perubatan, aeroangkasa, fotovoltaik dan industri LED (*Light-emitting Diode*) ke Pulau Pinang tahun ini,” tambahnya.

Air Products suntik RM600 juta pelaburan negeri

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

PERAI – Inisiatif syarikat pembekal gas bagi keperluan industri terkemuka dunia, Air Products Malaysia Sdn. Bhd. memilih Pulau Pinang sebagai tapak kedua (pertama di Shah Alam, Selangor) di Malaysia dalam memperkembangkan perniagaannya telah berjaya menyuntik RM600 juta pelaburan kepada negeri ini baru-baru ini.

Serentak itu, pelaburan tersebut turut menawarkan 640 kekosongan jawatan kepada penduduk tempatan.

Timbalan Presiden Tanah Asia Air Products, Douglas Hayes berkata, syarikatnya memilih pelaburan di Pulau Pinang ekoran kepesatan industri di negeri ini.

Baginya, Pulau Pinang ibarat pokok buluh, sebatang tumbuh, mudah untuk buluh yang lain tumbuh di sekitarnya.

“Justeru, sebagai permulaan, pelaburan bernilai RM 600 juta ini adalah lanjutan pembinaan loji Air Products Malaysia Sdn. Bhd. untuk syarikat kilang besi, Ann Joo Steel di sini,” katanya pada majlis perasmian loji baru di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyentuh prestasi tahun lalu berkata, Pulau Pinang telah mencapai pelaburan sebanyak RM12.24 bilion dan



KETUA Menteri sambil ditemani Douglas Hayes (tiga dari kanan) menandatangani plak sebagai simbolik perasmian loji Air Products di Ann Joo Steel di sini baru-baru ini.

mensasarkan ia akan terus berkembang tahun ini (2012) dengan kemasukan Air Products.

“Dijangkakan, pembinaan aliran paip gas yang akan menghubungkan kawasan Perai dan Bukit Minyak oleh Air Products akan menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Pulau Pinang.

“Sejak itu, kita (Kerajaan Negeri) akan memperkenalkan satu lagi projek taman industri di Batu Kawan dan yakin lokasi tersebut (Batu Kawan) bakal menjadi taman sains dan industri terbesar di Malaysia menjelang 2020 dengan keluasan 4,000 ekar,” jelasnya.

Gas seperti helium cecair, hidrogen, oksigen dan argon menjadi produk utama Air Products yang merupakan gas digunakan dalam industri elektronik, kitar semula, pembekuan dan penyimpanan makanan.

Jika Lynas selamat, kenapa tidak dibina di Australia?

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa kesal dengan amalan kerajaan pusat kerana memberi lesen kendalian sementara (TOL) kepada syarikat *Australia Lynas Corporation* bagi membina loji nadir bumi terbesar di dunia di Pahang.

Beliau berkata, amalan tersebut seolah-olah mencerminkan kerajaan pusat yang diterajui oleh Barisan Nasional terlalu mengejar keuntungan sehingga mengabaikan aspek pembangunan mapan dan hijau rakyat.

“Lebih baik Barisan Nasional (BN)

menjelaskan kenapa loji nadir bumi di Kuantan, Pahang dibenarkan untuk beroperasi, sedangkan projek itu berbahaya.

“Susulan pemberian TOL bersyarat, saham syarikat Lynas telah melonjak jelas bahawa Kerajaan BN yang tidak bertanggungjawab ini sedang berpakaat dengan pihak-pihak industri sehingga menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan beratus-ratus ribu rakyat Malaysia yang tidak bersalah,” ujarnya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata Sahabat Alam Malaysia (SAM) mendedahkan bahawa projek Lynas telah mendapat kelulusan “fast-

track” oleh Jabatan Persekutuan (DOE) Pahang.

DOE pula menerima Penilaian Awal Impak Alam Sekitar (PEIA) pada 21 Januari 2008 dan meluluskannya pada awal bulan Februari.

“Kenapakah DOE memberi kelulusan dengan begitu tergesa-gesa dalam sebuah projek yang bukan sahaja rumit dan melibatkan sisa-sisa radioaktif berbahaya, tetapi juga tidak mempunyai pelan pembuangan dan penyimpanan sisa yang jelas,” ujar beliau.

Disebabkan itu, beliau mendesak pihak berwajib supaya menghentikan projek membahayakan kesihatan rakyat tersebut secara serta merta.

“Ekoran daripada bencana nuklear yang terjadi di negara maju seperti Jepun, kerajaan BN harus meninggalkan sahaja rancangan mereka untuk membina dua loji nuklear menjelang 2020.

“Lynas selalu berkeras mempertahankan loji mereka yang akan memproses nadir bumi yang diimport dari Australia sebagai selamat, tetapi, jika memang selamat kenapa tidak bina sahaja loji itu di Australia?

“Adakah ia kerana Lynas tidak dapat meyakinkan pihak pengawal selia persekitaran dan kesihatan di Australia bahawa loji mereka betul-betul selamat?” soal beliau.

Aplikasi tenaga suria perkasakan pelajar dalam bidang sains

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Dalam usaha menyokong pendekatan teknologi hijau khususnya di Pulau Pinang, satu pertandingan reka bentuk aplikasi berdasarkan tenaga suria telah diadakan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Heng Ee di sini baru-baru ini.

Penganjuran yang memperoleh sambutan yang amat menggalakkan daripada pelajar-pelajar adalah hasil kerjasama Majlis Sains Pulau Pinang bersama *Ming Dao University of Taiwan* dan *Penang Association of Taiwan University*.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Pengerusi MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, Datuk Mansor Othman berkata, penganjuran seumpamanya secara tidak langsung dapat merangsang kreativiti dan inovasi para pelajar kepada pendekatan sains serta tenaga suria yang boleh diperbarui dan digunakan semula.

Tambah beliau, Pulau Pinang memerlukan satu kelebihan untuk bersaing dalam industri tersebut pada masa depan agar bebas daripada pencemaran seperti slogan yang dilaungkan Kerajaan Negeri ke arah ‘Pulau Pinang Bersih dan Hijau’.

“Menjadi harapan agar melalui pertandingan seumpama ini, Kerajaan Negeri bakal menjadi pemangkin dalam menggunakan potensi dan bakat-bakat muda yang baru. Sekaligus meletakkan Pulau Pinang mendahului negeri lain terutama sekali dalam sektor pelaburan industri,” ujarnya pada Majlis Perasmian Pertandingan Reka Bentuk Aplikasi Berdasarkan Tenaga Suria di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengetua SMJK Heng Ee, Goh Boon Poh, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jeffry Lim dan Kanselor Ming Dao University of Taiwan, Professor Wang Da-Yung.



MANSOR Othman mendengar penerangan yang diberikan dua pelajar mengenai cara menggunakan mesin pemotong rumput berdasarkan tenaga suria pada penganjuran Pertandingan Reka Bentuk Aplikasi Berdasarkan Tenaga Suria di sini baru-baru ini.



PASUKAN berbasikal “Kayuhan Basikal Amal Pulau Pinang ke London 2012” bagi mengumpulkan dana RM2 juta untuk badan bukan kerajaan (NGO), St. John Ambulan Pulau Pinang.

Kayuhan Basikal Amal ke London kutip dana untuk St. John Ambulan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan ekspedisi “Kayuhan Basikal Amal Pulau Pinang ke London 2012” bagi mengumpulkan dana RM2 juta untuk badan bukan kerajaan (NGO), St. John Ambulan Pulau Pinang.

“Projek ini dicadangkan tahun lepas lagi. Saya hadir pada sidang akhbar ini bagi menyatakan sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri (Pulau Pinang),” kata Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Wakil Olimpik Malaysia merangkap Timbalan Pengurus II Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ong Poh Eng dan Datuk Dr. Yee Thiam Sun (Komander kepada St. John Ambulan Pulau Pinang) turut hadir pada sidang akhbar tersebut, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu merupakan salah seorang daripada enam peserta dalam ekspedisi itu.

Lima yang lain adalah penunggang basikal 100 peratus, David Tim, 53, Saw Peng Hooi (pesara, 60), Chew See Lim (bekas kakitangan MPPP, 53), Bakar Noordin (pelumba basikal, 55) dan Razak (pelatih dan pelumba basikal kebangsaan, 55).

Mereka memulakan kayuhan basikal amal pada 3 Februari lalu dari Jalan Downing, di sini dan dijangka sampai di Jalan Downing, London pada 25 Julai depan.



TEH Yee Cheu menandatangani sepanduk program kayuhan amal pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

TINTA PENGARANG

Sasaran sudah dikesan!

PEMBUNUH upahan telah diberi sasaran buruan, peluru telah siap dipasang, tembakan telah dilepaskan, namun, pemimpin Pakatan Rakyat tak tumbang-tumbang lagi. Bukan amalan ilmu kebal menjadi taruhan tetapi rakyat yang sudah berasa bebal dengan fitnah mainan puak UMNO dan seangkatan dengannya.

Dari jerji besi ke bangunan pentadbiran KOMTAR di Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (LGE) sentiasa tidak lepas dari peluru bermata UMNO. Tidak perlu bercerita tentang apa yang LGE lalui pada hari-hari sebelumnya kerana mungkin ada yang sudah bosan. Coretan ini bukan hendak mengangkat LGE secara peribadi, namun, pemimpin Pakatan Rakyat ini berada di tempat yang betul pada masa yang tepat. Secara dasar dan puncanya adalah kerana beliau memimpin Pulau Pinang. Sekiranya LGE masih di Melaka perkara ini tidak berlaku.

Bagaikan memiliki suatu hikmat sehingga LGE berjaya memenangi hati rakyat negeri ini dalam tempoh kurang dari sepenggal pentadbirannya. Justeru, pasukan Ah Jib Gor telah berasa tergugat dan risau kerana LGE disifatkan mampu memberi masalah pada PRU13 akan datang selain Anwar Ibrahim. Sehingga ada yang menyifatkan LGE dan Putrajaya hanyalah sejengkal jaraknya. Maka, kegusaran tahap dewa jadinya kroni-kroni UMNO kerana mereka sendiri sebenarnya tahu kekuatan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat seperti LGE. Walaupun tidak menguasai media arus perdana, sikap mesranya yang tersendiri telah menyebabkan LGE semakin popular sehingga ke negeri di Pantai Timur.

Ganjaran lumayan telah dijanjikan kepada ahli-ahli perniagaan malah “orang dalam” Pakatan Rakyat sendiri jika berjaya mempalit lumpur dan melumpuhkan percaturan LGE menjelang PRU13. Oleh yang demikian, usah terkejut jika ada di antara “orang dalam” menjadi “drama king” atau katak (lompat parti). Kesetiaan hari ini sebenarnya boleh dibeli, namun, hanya pemimpin berjati diri tinggi dan berpendirian teguh sahaja mampu terus berjuang demi rakyat.

Cubaan serangan melalui media arus perdana telah disifatkan tidak relevan dengan LGE kerana takut didakwa lagi seperti nasib yang menimpa suratkhabar lidah UMNO iaitu Utusan. Akibat tidak tahan disaman, penggunaan bloger-bloger pro UMNO telah diperkudakan sebaik mungkin. Mungkin suatu hari nanti, bloger-bloger ini akan terdiam terduduk seperti Utusan, namun, hanya waktu yang menentukan kerana Pakatan Rakyat juga mempunyai pejuang-pejuang alam maya yang tidak tahu asal-usulnya mahupun diberi upah tertentu seperti bloger UMNO. Tambahan pula, muncul pelbagai sumber berita dan platform maklumat yang semakin telus menjadi tatapan perbandingan bacaan generasi baru pengundi di alaf maya. Selepas PRU12, rakyat semakin menampakkan kematangan dalam membuat keputusan selepas kedatangan alternatif baru dan teknologi moden mendapatkan maklumat.

Terkini, isu tanah Bayan Mutiara bukanlah ancaman, debat Chua Soi Lek bukanlah pemusnah kerana selagi mandat rakyat tidak disalahgunakan Pakatan Rakyat, kebenaran pasti akan muncul akhirnya. Jangan lupa, LGE bukanlah baru setahun jagung berpolitik.

Putera Pulau

Komitmen Uncle jamin penghasilan produk bedak sejuk asli kekal

Oleh: YAP LEE YING

Gambar: LAW SUUN TING

BULETIN Mutiara (BM) mengambil masa kira-kira dua jam untuk mengenalpasti lokasi pembuat bedak sejuk tradisional Lean Seng di Kuala Jalan Bharu, Balik Pulau.

Perjalannya adalah tidak mudah, selain lorong kecil, pasukan BM juga perlu melalui titi curam dan jalan kampung untuk tiba ke kediaman Yeoh Keng Beng, 72, atau lebih mesra dengan panggilan *Uncle* yang telah 29 tahun berkecimpung di dalam bidang pembuatan produk kecantikan asli tersebut.

Kedatangan kami disambut dengan mesra walaupun tiada temujanji dibuat sebelum itu. Dengan gaya selambanya, *Uncle* seolah-olah mengetahui tujuan kedatangan kami. Dengan pantas, *Uncle* menyatakan bahawa beliau tidak pandai bertutur dalam Bahasa Malaysia dan juga Mandarin, cuma dalam loghat Hokkien kerana beliau hanya menamatkan pembelajaran pada tahap tahun 3.

Situasi tersebut bagaimanapun tidak menjadi penghalang kepada BM. Tambahan pula, *Uncle* dengan pantas mencapai sebuah cakra padat yang merakamkan kerja-kerja pembuatan bedak sejuk untuk dipertontonkan kepada kami. Rakaman tersebut lazimnya memudahkan sesi temubual pada hari berkenaan.

Menceritakan sejarah asal-usul Bedak Sejuk Lean Seng, *Uncle* menyatakan bahawa ia adalah hasil ciptaanya sendiri. Perit dengan kerjaya nelayan dan persaingan industri pembuatan belacan, beliau kemudian mendapat ilham untuk berkecimpung dalam bidang kecantikan iaitu bedak sejuk.

Kepada mereka yang tidak mengenali bedak sejuk, lontarkanlah persoalan tersebut kepada ibu, bapa atau nenek masing-masing. Dahulu kala, bedak sejuk merupakan satu-satunya produk kecantikan yang digunakan oleh kaum hawa untuk menghaluskan kulit sebagai tarikan pemikat.



AMPAIAN yang digunakan untuk proses pengeringan bedak sejuk.



PENULIS cuba menghidu cecair bedak sejuk yang berbau seperti tapai.

Menceritakan pengalaman beliau, pada peringkat permulaan, *Uncle* telah menghabiskan tempoh lima hingga enam bulan hanya untuk mengkaji asas dan teknik pembuatan bedak sejuk. Asalnya, beliau menggunakan daun pisang, namun, ekoran kuantiti penghasilan yang terhad, beliau telah cuba menggunakan acuan direka khas sehingga kini.

Sukar dipercayai, dua bahan asas pembuatan bedak sejuk adalah beras dan air. Menurut *Uncle*, beras yang digunakan adalah jenis beras hancur iaitu yang digunakan untuk membuat *koew teow*. Peringkat pertama adalah beras perlu dibasuh sebanyak lima kali dan direndam selama dua minggu.

“Selepas dua minggu, beras yang direndam akan menjadi liat, berbau seperti



UNCLE menunjukkan kertas yang menjadi pelapik bedak sejuk untuk dikeringkan.



UNCLE menunjukkan bedak sejuk yang telah dikeringkan dan sedia untuk dimasukkan ke dalam botol untuk dipasarkan.



BEDAK sejuk yang telah dikeringkan.

bedak-bedak sejuk tersebut kemudian dimasukkan ke dalam botol secara manual untuk dipasarkan.

Pada usianya, *Uncle* masih amat aktif dan kuat. Malah, sebanyak 12 kilogram (kg) bedak sejuk dapat dihasilkan setiap hari oleh beliau. Tidak dinafikan bahawa anak-anak serta cucu-cucu beliau mendesaknya untuk memberhentikan pembuatan produk berkenaan, namun, disebabkan komitmen dan permintaan daripada pelanggan tetap, beliau masih meneruskannya.

“Bedak-bedak sejuk yang telah dibentuk dijemur selama satu jam selama dua hari. Sebab itu, sekiranya hari hujan, pembuatan bedak sejuk terpaksa dihentikan,” ujarnya sambil menyatakan bahawa

“Anak ada tolong pada hari minggu sahaja. Susah untuk saya berhenti kerana ia (pembuatan bedak sejuk) telah menjadi darah daging saya. Tambahan pula, saya kesiankan pelanggan-pelanggan lama saya,” katanya sambil tersenyum lebar mengakhiri sesi temubual BM pada hari itu.

STATUS Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang dikatakan mempunyai sistem pinjaman mesra pelanggan terbaik yang bukan sahaja di negeri ini, bahkan di Malaysia menarik minat Buletin Mutiara (BM).

Ikuti wawancara wartawan BM, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** bersama Pengarah Perbadanan Perpusatakan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Shukriah Yon di Seberang Jaya baru-baru ini.

BM : Berdirinya perpustakaan ini lebih 30 dekad tentu banyak rekod kecemerlangan yang berjaya ditempa. Bolehkah Puan menjelaskan hal ini.

SHUKRIAH : Sejak ditubuhkan pada tahun 1972, perbadanan berkembang dengan pesatnya dan kini mempunyai satu jaringan rangkaian perpustakaan elektronik, mampu mengurangkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, di mana setiap perpustakaan dapat dihubungi secara atas talian. Semua 107 buah perpustakaan dilengkapi komputer dengan capaian internet.

Paling menarik, perpustakaan di negeri ini merupakan yang pertama di Malaysia menggunakan MyID atau Mykad dan Mykid sebagai kad keahlian perpustakaan. MyID juga digunakan sebagai satu nombor rujukan untuk perkhidmatan pinjaman, sumber media, jurnal elektronik, mikrofilem dan internet.

Rekod kecemerlangan, ada. PPAPP pernah dipilih sebagai Johan Anugerah Pengurusan Kaunter Sempena Majlis Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 20 Ogos 2009; menerima anugerah Perpustakaan Paling Aktif Melaksanakan Program Galakan Membaca Sempena Seminar Inisiatif Digital Memperkasakan Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan pada 13 Disember 2010; menerima Pengiktirafan Antarabangsa *Second Runner-up IFLA Poster Session di WLIC : 73rd IFLA 2007*, Anugerah Emas Kategori Perpustakaan Awam Konvensyen ICC Perpustakaan SeMalaysia ke-2 pada tahun 2009, mendapat anugerah 4 bintang Pencapaian Laman Web Jabatan oleh MDEC pada tahun 2010.

BM : Puan ada mengatakan bahawa 107 perpustakaan

Perpustakaan Awam Pulau Pinang No. 1 di Malaysia



SHUKRIAH Yon



SHUKRIAH Yon bergambar di salah satu sudut perpustakaan pusat Seberang Jaya di sini.

kecil dirangkaikan secara ‘online internet’, boleh Puan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai sistem tersebut.

SHUKRIAH : PPAPP merupakan perpustakaan awam yang pertama di Malaysia merangkaikan semua pusat perkhidmatannya (107 buah) yang terdiri daripada perpustakaan pusat di Seberang Jaya, perpustakaan cawangan (5) iaitu di George Town, Balik Pulau, Jawi, Bukit Mertajam dan Bertam, Perpustakaan Kanak-Kanak (1), di Jalan Scotland, perpustakaan pekan (2) di Simpang Ampat dan Bagan Ajam, perpustakaan beli belah (3) di Komtar, Bayan Baru dan Eon Jaya Jusco, Seberang Perai, perpustakaan desa/komuniti siber ilmu negeri (49),

perpustakaan desa PNM (34) dan perpustakaan bergerak (12) (2 khusus untuk OKU dan sebuah E-Pustaka) yang memberi perkhidmatan perpustakaan di 238 lokasi di negeri Pulau Pinang secara atas talian dengan sistem perpustakaan bersepadan dan juga melalui portal PPAPP.

Semua pusat perkhidmatan kami mempunyai ‘Remote Desktop Connection’ dan WiFi/Broadband bagi pangkalan data Sistem ILMU dan penggunaan teknologi RFID. Oleh itu, semua perpustakaan boleh mengakses sistem yang sama untuk merujuk dan mengemaskini rekod pengguna, peminjaman, pemulangan, rizab, ‘patron enquiry’ dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan lain. Pengguna juga boleh meminjam dan

memulangkan bahan bacaan di mana-mana pusat perkhidmatan Perbadanan selain di peti buku secara online ‘Book Drop’ yang disediakan di Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Pekan dan Siber Ilmu KOMTAR. Apa yang diamalkan adalah konsep ‘Ubiquitous Library’ tanpa sempadan waktu dan lokasi - ‘Anywhere, Anytime’.

BM : Kalau tidak salah perbadanan ini menerima beberapa anugerah ISO disebabkan sistem perkhidmatan yang berkualiti untuk seluruh rakyat Pulau Pinang.

SHUKRIAH : Kita pernah menerima sistem kualiti MS ISO 9002:1994 pada Julai 2002 oleh SIRIM. Perbadanan kemudianya telah melaksanakan

peralihan standard MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000 pada September 2003. Pada Mac 2005, Perbadanan telah menerima pengiktirafan sistem kualiti ISO 9001:2000. Perbadanan turut mendapat persijilan ISO 9001:2008 daripada BM Trada pada tahun 2011 yang sah sehingga 6 Mac 2014. Perbadanan juga telah memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 di bawah skop ‘Penyediaan Perkhidmatan Perpustakaan dan Informasi’ yang meliputi semua perpustakaan di bawah pentadbiran PPAPP.

BM : Apakah harapan dan hasrat Puan mengenai perbadanan dan mungkin mengenai Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru ini.

SHUKRIAH : Dalam menentukan dasar dan arah tuju PPAPP, pelbagai aspek telah diambil kira terutama perkembangan semasa serta keperluan dan kehendak pelanggan iaitu masyarakat Pulau Pinang. Pelbagai perkhidmatan, program dan aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan peranan serta tanggungjawab PPAPP dapat memenuhi kehendak semua pelanggan.

Kalau boleh, saya mahu perbadanan ini menjadi pusat inovasi dan kecemerlangan ilmu sebagaimana harapan Kerajaan Negeri mahu melahirkan masyarakat pintar dan bestari di negeri ini. Budaya membaca, berfikir dan menghasilkan sesuatu yang ‘baru’ mesti dijadikan budaya masyarakat di semua peringkat tanpa mengira usia, bangsa, agama hatta status ekonomi.

MPPP kompaun kontraktor tidak kutip sampah

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN LEPAS – Bertindak atas aduan awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengadakan satu lawatan mengejut di beberapa lokasi berhubung kegagalan kontraktor pengangkut sampah (AWS) yang dipercayai tidak menjalankan kerja pengutipan seperti mana dijadualkan di sini.

Turut serta dalam operasi membabitkan kawasan Kampung Nelayan, Suluk, Gertak Sanggul dan Taman Sahabat di sini adalah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Perlesenan

(JPPP).

Menurut Ahli Majlis MPPP, Iszuree Ibrahim, inisiatif tersebut adalah hasil daripada kegagalan AWS mengutip sampah sehingga memenuhi tangki sampah yang disediakan dan mengundang suasana persekitaran kurang selesa.

“Lanjutan itu, kita (MPPP) telah mengadakan perbincangan dengan pihak kontraktor dan kata sepakat telah dicapai apabila mereka (kontraktor) bersetuju untuk menjalankan kerja pengutipan seperti biasa selepas ini.

“Malah, kompaun juga telah dikeluarkan dan tempoh tiga bulan

diberikan kepada syarikat kontraktor yang dilantik sejak tahun 90-an tersebut untuk meningkatkan prestasi. Sekiranya masalah ini masih berlarutan, kita (MPPP) tidak akan teragak-agak untuk mengenakan kompaun susulan atau menamatkan kontrak mereka,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

LONGGOKAN sampah yang tidak diangkut melebihi dua hari di Taman Sahabat menuju Gertak Sanggul di sini.



MPPP perhebatkan operasi kedai makanan

GEORGE TOWN – Sekurang-kurangnya 990 kompaun telah dikeluarkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kepada premis makanan yang tidak mematuhi peraturan kebersihan antara Januari hingga Disember 2011.

Ahli Majlis MPPP selaku Pengurus Gantian Tetap Kesihatan Awam, Ong Ah Teong berkata, kesalahan itu adalah mengikut Undang-undang Kecil Establishment Makanan 1991. MPPP melakukan pemantauan kebersihan bukan saja terhadap tahap kebersihan premis, malah, turut meninjau aspek kebersihan pengendali premis bagi menjamin tahap kualiti makanan disediakan.

“Pihak MPPP hanya boleh mengenakan kompaun kepada pengusaha, proses selebihnya kita akan rujuk kes berkenaan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk tindakan lanjut. Premis yang didapati bersalah hanya boleh diarahkan



tutup oleh JKN sahaja,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, kes tertinggi yang dikenakan kompaun adalah kesalahan tidak menjalankan suntikan *typhoid* yang wajib diambil oleh setiap pekerja samada pekerja sambilan maupun pekerja tetap.


“Pihak MPPP sebelum ini turut mengadakan kursus buat pengendali makanan. Yuran RM50 yang dikenakan turut

melibatkan proses suntikan *typhoid* kepada peserta sejurus selesai menghadiri kursus. Suntikan ini adalah subsidi daripada pihak MPPP sendiri.

“Kita juga dalam rangka perbincangan dengan lebih terperinci bersama JKN untuk melihat seandainya terdapat percanggahan apa yang dilaksanakan oleh MPPP dengan pihak JKN.

Beliau berkata, pada tahun 2014, Kementerian Kesihatan akan menguatkuasa dan mewajibkan pengusaha makanan menghadiri kursus sebegini.

“Kita tidak mahu menunggu sehingga tahun 2014 untuk melakukannya. Pulau Pinang telah melangkah setapak ke hadapan dengan melakukan kursus ini terlebih dahulu kerana adalah pentingnya kualiti industri makanan terjamin dan dijaga,” ujarnya.



PEGAWAI JKN menampal notis penutupan kedai di salah sebuah premis yang didapati melanggar peraturan semasa mengadakan operasi bersama MPPP tahun lalu.



ANTARA peserta yang hadir mengikuti program senamrobik MPSP di Taman Tugu Demokrasi di sini baru-baru ini.

Senamrobik MPSP dapat reaksi positif penduduk

Oleh: ZULIANA AZIZ

SEBERANG PERAI – Bagi memenuhi tuntutan betapa pentingnya penjagaan kesihatan, satu cadangan mengenai aktiviti senamrobik telah dikemukakan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, buat julung kali, Taman Tugu Demokrasi yang baru dirasmikan Ketua Menteri telah dipilih sebagai lokasi bagi mempromosikan aktiviti tersebut di samping turut bertujuan menceriakan lagi kawasan berkenaan dan mengelakkan kejadian vandalism daripada berlaku.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, imej MPSP bertambah baik kerana ia bukan sahaja ‘menyumbangkan’ perkhidmatan perbandaran, malah, turut ‘memberikan’ perkhidmatan kesihatan kepada warga kerja dan penduduk setempat.

Dalam pada itu, aktiviti senamrobik pertama yang dianjurkan baru-baru ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai. Ini kerana, terdapat lebih daripada 200 peserta hadir berbanding 100 orang yang disasarkan.

Pada hari tersebut, orang ramai turut berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan percuma. Malah, kaunter bergerak MPSP turut disediakan bagi memberi kemudahan kepada orang ramai berurusan dengan pihak berkenaan di lokasi.

Sebagai tambahan, Lip Chee turut mengalu-alukan badan-badan bukan kerajaan (NGO), persatuan-persatuan, para pelajar serta warga kilang untuk turut hadir berama-rama i memeriahkan aktiviti yang diadakan.

Antara yang turut hadir ialah Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud dan Ahli-ahli Majlis MPSP.



SOON Lip Chee menunjukkan salah sebuah pondok bas yang telah disewa oleh syarikat swasta bagi mengiklankan produk mereka.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN LEPAS – Para penduduk di tiga buah kampung di sini mampu menarik nafas lega apabila permohonan mereka untuk menaiktaraf jalan sedia ada telah diberi perhatian oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim baru-baru ini.

Tiga buah kampung yang terletak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas tersebut telah terpilih untuk menerima dana peruntukan ahli majlis pada tahun lalu melalui Projek Infra membabitkan kerja-kerja penurapan semula jalan kampung dan membaiki jalan-jalan yang berlubang.

Iszuree berkata, kerja-kerja penurapan jalan dan membaiki jalan yang rosak adalah melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Nelayan di Sungai Batu, Bandar Perda Teluk Kumbar dan Kampung Batu Uban.

“Kerja-kerja penurapan dan pembaikan ini telah siap sepenuhnya awal Januari tahun ini. Sebanyak lebih kurang RM19,000 telah diperuntukkan daripada

dana yang diberikan untuk kampung-kampung tersebut menikmati jalan bertar yang lebih selesa dan sempurna.

Tambah beliau, projek infra hanya melibatkan jalan-jalan di kampung dan bandar kecil. Jalan Persekutuan atau jalanraya di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah tidak termasuk sama sekali.

“Walau pun terdapat beberapa permohonan daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) yang diterima, namun, beberapa faktor harus diambilkira. Kita (MPPP) akan memberikan keutamaan kepada permasalahan yang penting dan benar-benar menjadi keperluan penduduk terlebih dahulu,” ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



KEADAAN jalan yang tidak sekata dan berlubang membahayakan pengguna.



JALAN bertar di Kampung Nelayan, Sungai Batu yang telah siap diturap.

36 pembayar cukai bertuah!

SEBERANG PERAI – Berita baik kepada mereka yang telah menjelaskan cukai awal bagi tahun 2012! Ini kerana, seramai 36 orang daripada 21,493 pembayar cukai telah terpilih untuk memenangi hadiah cabutan bertuah yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun ini.

Cabutan bagi memilih pemenang telah diadakan di MPSP baru-baru ini yang mana telah diketuai, Yang DiPertua (YDP) MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamad serta beberapa Ahli Majlis.

Walau bagaimanapun, hadiah hanya akan ditentukan pada 29 Februari ini pada majlis cabutan dan penyampaian hadiah cabutan bertuah di mana semua pemenang dikehendaki hadir.

Berikut ialah senarai para pemenang bertuah (cabutan awal) pada tahun ini :

Oleh: ZULIANA AZIZ

SEBERANG PERAI – Bagi menambah hasil pendapatan untuk membantu memantapkan status kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), syarikat-syarikat yang berminat untuk menyewa pondok-pondok bas bagi tujuan pengiklanan dan mempromosi syarikat masing-masing adalah terbuka kini.

Cadangan bagi menyewakan pondok bas milik MPSP yang dikemukakan Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee pada Mesyuarat Majlis Penuh MPSP pada tahun 2010 dan ia mendapat sambutan menggalakkan daripada beberapa syarikat swasta tempatan di sini.

Sehingga kini, sebanyak 50 buah pondok bas MPSP sedang disewakan bagi tujuan pengiklanan oleh syarikat swasta. Secara keseluruhan, sehingga 13 Oktober 2011, jumlah keseluruhan pondok bas milik MPSP di seluruh Seberang Perai adalah sebanyak 864 buah.

Menurut Lip Chee, kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa adalah serendah

RM100 sebulan kadar sewa iklan pondok bas MPSP

RM100 setiap bulan. Manakala, kos penyelenggaraan, pembersihan, pemberian dan bil elektrik akan ditanggung oleh syarikat yang menyewa berkenaan.

Tambah beliau lagi, MPSP masih membuka peluang kepada syarikat-syarikat yang berminat samada menyewakan pondok bas MPSP sedia ada dan memasang iklan atau meruntuhkan pondok bas sedia ada dan membina pondok bas baru dan memasang iklan pada pondok bas berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan.

Kepada sesiapa yang berminat, boleh membentangkan corak iklan berserta surat kepada Jabatan Penilaian MPSP dan nyatakan lokasi pondok bas yang ingin disewa. Pemohon tidak dibenarkan untuk menyewa pondok bas

yang telah atau sedang disewa oleh syarikat lain.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Penilaian MPSP di talian 04-549 7497, 7496, 7778. Pemohon juga boleh kemukakan surat atau hubungi Pegawai Penilaian iaitu Encik Lattif atau Penolong Pengarah Penilaian iaitu Encik Syahril.

Syarat-syarat sewa :

1. **Pemohon perlu membayar deposit sebanyak RM300 untuk sebuah pondok bas.**
2. **Bayaran sewa harus dijelaskan setiap bulan.**
3. **Penyewa perlu meletakkan logo ‘Cleaner Greener Penang’ (Pulau Pinang Bersih Hijau) di setiap pondok bas.**

Projek Infra beri keselesaan 3 buah kampung



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung biru muda) sedang membuat cabutan pemenang-pemenang bertuah sambil diperhatikan beberapa Ahli Majlis dan pegawai MPSP.

1. Ong Bah Chuan
2. Goay Teh Chong
3. Isaac Lo Chee Weng
4. Md. Hassan Bin Hashim
5. Liew Tan Yim @ Sui Yit Foong
6. Ahmad Bin Ishak
7. Tan Lek Peng @ Tan Ai Mooi
8. VS Solution Services Sdn. Bhd.
9. Lau Chong Tan
10. Othman Bin Bakar @ Hasiah Binti Mohd. Ali
11. Husain Bin Omar
12. Sabri Bin Ibrahim
13. Md. Saad Bin Abdullah
14. Choo Chien Hua
15. Rogayah Binti Awang
16. Goh Fook Yee
17. Lee Ah Boon
18. Nyiau Bak Lee
19. Eng Hin Leong Co. Sdn. Bhd.
20. Lai Tak Seng @ H'ng Siew Poh

21. Choot Teck Aun
 22. Haji Bakar Bin Haji Abdullah
 23. Sereennasan A/L Gopalan
 24. Cheng Lai Seng
 25. Yahaya Bin Abd Majid
 26. Chow Ho Hean
 27. Wan Bin Che Mat
 28. Eng Ah Leh @ Ng Ah Lay
 29. Norlelawati Binti Abdul Aziz
 30. Bor Chai Heng
 31. Vanaja A/P Raman
 32. Toh Tew Seng
 33. Ooi Cheng Chee
 34. Ng Yam Keng
 35. Man @ Abdul Rahman Bin Che Lah
 36. Tan Chui Book
- Tujuh unit iPad 2, tiga unit Netbook, tiga unit TV LCD, enam unit telefon bimbit, dua unit kamera digital dan 14 unit barang elektrik menjadi rebutan.

Astaka Selera Taman Tun Sardon berubah wajah

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

SERI DELIMA – Kesungguhan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer dalam membangunkan prasarana dan sosio-ekonomi penduduk di Taman Tun Sardon ternyata membawa hasil. Bukti Astaka Selera Taman Tun Sardon siap dinaiktaraf sejak Januari lalu kini menerima kunjungan pengunjung sebanyak dua kali ganda berbanding sebelum ini.

“Usaha menyerikan dan menambahbaik yang menelan belanja lebih RM40,000 ini bukan sahaja mewujudkan suasana yang kondusif, malah, mampu menjana pendapatan peniaga dengan lebih baik,” ujar R.S.N Rayer kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Malah, beliau percaya dengan penambahbaikan di astaka tersebut, ia juga mampu ‘menaikkan’ selera

para pengunjung yang ingin menikmati keenakan makanan yang sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi.

Dalam pada itu, bagi pengusaha T.T.S. Cafe yang hanya ingin dikenali sebagai Nazari, beliau menyatakan bahawa penambahbaikan tersebut adalah yang pertama dilakukan sejak 1982.

Bagi seorang peniaga yang telah menjalankan perniagaan sejak 20 tahun lalu di sini dan hanya ingin dikenali sebagai Balkis menyatakan bahawa keadaan kini telah berubah ke arah kebaikan.

“Kalau dulu depa (pengunjung) mai (mari) beli bungkus, la ni (kini) depa mai makan sini, lagi selesa kata depa,” ujarnya.

Di samping penyediaan 115 set meja dan kerusi, pembaikan siling dan tiang, turut dilaksanakan adalah beberapa kelengkapan kemudahan tambahan kepada 26 peniaga di sana.



KEADAAN Astaka Selera Taman Tun Sardon yang lebih selesa dan bersih.



ABDUL Halim Hussain (empat dari kanan) bersama sebahagian peserta yang menyertai acara Kayuhan Mesra di sini baru-baru ini.

BRRT penuhi impian rakyat kurang mampu miliki rumah sendiri



NADZRI Noh (tiga dari kanan) menerima replika kunci rumah BRRT daripada Mohd. Salleh Man (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Jusni Ismail (tengah), Hakmal Effendi (dua dari kanan) dan Arshad Salleh (kanan sekali).

RUMAH UNTUK SEMUA... Selaras dengan Konsep 3M dalam Bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2012 untuk Martabatkan Rakyat; Mesra Perniagaan dan Mantapkan Kedudukan Kewangan, Bantuan Rumah Rakyat Termiskin (BRRT) ternyata memenuhi impian warga Pulau Pinang yang kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pejabat-pejabat Daerah telah memperuntukkan sejumlah RM17.6 juta bagi tujuan pembinaan dan penyelenggaraan rumah rakyat termiskin bagi tahun 2012.

Bagi daerah Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), baru-baru ini telah berlangsung

Majlis Penyerahan Kunci yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man.

Bagi penerima BRRT, Nadzri Noh dari Kampung Lubuk Batu, bantuan tersebut bukan sahaja memberi beliau dan keluarga keselesaan, malah, turut menjadi bukti bahawa Kerajaan Negeri mendengar rintihan rakyat.

Hadir sama ke majlis penyerahan tersebut, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan, Arshad Salleh; Pegawai Daerah SPU, Jusni Ismail; Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU (Pembangunan), Hakmal Effendi; dan Penghulu Permatang Berangan, Rusdi Ahmad Rushid.

Kayuhan Mesra aktifkan komuniti Kuala Jalan Bahru

BALIK PULAU – Kayuhan Mesra bersama penduduk Kuala Jalan Bahru yang diadakan di sini baru-baru ini mendapat sambutan amat menggalakkan apabila lebih 100 individu dari pelbagai latar belakang dan usia menyertainya.

Menurut Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain yang turut serta dalam kayuhan tersebut melihat bahawa aktiviti riadah seumpama itu bukan sahaja mampu menyihatkan tubuh badan, malah, turut melahirkan generasi yang menghargai alam sekitar.

“Ianya (aktiviti berbasikal) selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar hijau di negeri ini,” ujar Abdul Halim ketika menyertai acara Kayuhan Mesra sejauh hampir tiga kilometer bertemakan ‘Berbasikal Menghayati Keindahan Alam Semulajadi’ sebagai sebahagian inisiatif bersama ‘Go Green Balik Pulau Cycling’.

Dalam pada itu, beliau yakin bahawa kesepakatan ditonjolkan penduduk Kuala Jalan Bahru dalam penyertaan program tersebut juga mampu melahirkan komuniti yang lestari dan bersepadu.

“Aktiviti ini mampu mengaktifkan komuniti setempat serta menggalakkan mereka untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti berfaedah yang bukan sahaja dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, malah, aktiviti anjuran dalam komuniti itu sendiri,” tambah beliau sambil melihat intergriti yang ditonjolkan itu harus dicontoh dan diteladani semua.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Profesor Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman, yang turut serta dalam kayuhan itu turut menggalakkan penganjuran aktiviti riadah terbabit diadakan secara berkala.

Bantuan bencana disalur dalam tempoh 24 jam

NIBONG TEBAL – Tidak sampai 24 jam, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah tampil menyampaikan bantuan kepada keluarga mangsa kebakaran, Mohd. Kashfullah Othman, 47, yang tinggal sehelai pinggang dalam kejadian di Kampung Teluk Ipil di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar, antara bantuan yang disumbangkan adalah makanan dan wang tunai.

“Kami prihatin terhadap nasib yang menimpa Mohd. Kashfullah dan keluarga. Selain bantuan bencana 24 jam yang disumbangkan oleh Kerajaan

Negeri, sumbangan turut akan disalurkan oleh Pusat Urus Zakat (PUZ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan nilai taksiran kemusnahan yang dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

“Alhamdulillah, sekurang-kurangnya bantuan yang disampaikan tersebut dapat meringankan beban mangsa dan keluarga, insyaAllah,” ujar Mohd. Kamil.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Tan Beng Huat, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Ipil, Effendi Rahman dan Pengurus JKKK Dato’ Keramat, Saad Muhammad.



MOHD. KAMIL ABU BAKAR (tiga dari kanan) bersama sebahagian ahli JKKK Teluk Ipil tampil memberi sumbangan bantuan bencana kepada Mohd. Kashfullah Othman (lima dari kiri) di di sini baru-baru ini.

600 banjiri Pesta Perayaan Ponggal Permatang Berangan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PERMATANG BERANGAN – Seramai 600 masyarakat berbilang kaum membanjiri program tahunan, Pesta Perayaan Ponggal anjuran Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan di sini baru-baru ini.

Apa yang menarik, pada tahun ini, menurut PPK Permatang Berangan, Arshad Md. Salleh, penganjuran kali


ini diadakan secara terbuka agar semua lapisan masyarakat, tidak kira latar belakang agama untuk turut serta meraikannya dalam suasana muhibah.

Turut diadakan adalah upacara tradisi perayaan Ponggal dan acara cabutan bertuah. Sebanyak 65 cabutan telah diadakan dan hadiah cabutan tersebut disampaikan sendiri oleh Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Arshad dan Yang di-Pertua PAS Tasek Gelugor, Khalid

Man.

Dalam pada itu, Ramasamy berkata, Ponggal merupakan sebahagian perayaan tradisional kaum India yang disambut meriah selepas perayaan Deepavali dan Thaipusam.

“Kalau di India, perayaan ini disambut dengan meriahnya selama satu minggu. Di Malaysia pun tidak kurang hebatnya,” ujarnya di dalam penganjuran program yang diadakan di Dewan HYO, Pokok Machang di sini.



ARSHAD MD. SALLEH.

Kediaman dan tandas usang dapat perhatian PPK Bertam

DAPAT PERHATIAN... Inisiatif turun padang Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bertam telah berjaya membantu sepasang suami isteri yang sebelum ini hidup dalam serba kekurangan.

Menurut Asrol, hasil bancian kemiskinan yang diadakan di Permatang Bertam, masalah kediaman dan tandas usang sepasang suami isteri warga emas yang dialami sejak 10 tahun lalu dapat diselesaikan dengan

sumbangan khas bernilai RM5,000 yang disampaikan.

Turut serta dalam lawatan tersebut adalah Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Hafizi Mohamad dan beberapa ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Serdang.

Selain pasangan suami isteri itu, turut dibanci adalah lima kediaman lain yang turut dikategorikan sebagai kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan segera untuk membaiki rumah sedia ada.



KEADAAN tandas usang yang bakal dinaiktarfah hasil inisiatif khas PPK Bertam.



PULAU PINANG BERUBAH

**SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-AMINIAH,
PERMATANG PAUH**

Dahulu..



Laa Ni!



DAHULU

(Kerajaan Barisan Nasional)

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam
RM12.5juta

Peruntukan Tahunan untuk SAR
TIADA

Peruntukan Guru KAFA
TIADA

SEKARANG

(Kerajaan Pakatan Rakyat)

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam
2009: RM20.50juta
2010: RM24.30juta
2011: RM33.33juta
2012: RM64.00juta

Peruntukan Tahunan untuk SAR
2009: RM1.50juta
2010: RM1.75juta
2011: RM1.75juta

Peruntukan Guru KAFA
RM100,000 setahun